

**KONSEP NILAI BERSAMA DASAR KEBUDAYAAN NEGARA
DALAM SASTERA RAKYAT PAHANG**

FYP FTKW

**FITRI AMIRAH BINTI FADZIL
C20A0986**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KONSEP NILAI BERSAMA DASAR KEBUDAYAAN NEGARA DALAM SASTERA
RAKYAT PAHANG.**

FITRI AMIRAH BINTI FADZIL

C20A0986

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperoleh
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan (Kesusasteraan Warisan) dengan kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh.....sehingga.....
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

FITRI AMIRAH BINTI FADZIL
C20A0986
Tarikh:10 / 2 / 2023

Tandatangan Penyelia

DR. NORDIANA AB JABAR
Tarikh:10 / 2 / 2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan tugas laporan bagi subjek Projek Penyelidikan CFT 4134 dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Banyak manfaat yang saya peroleh sepanjang saya bertungkus lumus menyiapkan tugas ini. Namun semestinya saya tidak dapat menyiapkan tugas ini tanpa bantuan beberapa pihak yang sangat ringan tulang dan sudi memben kerjasama terhadap saya.

Sekalung penghargaan saya tujukan buat pensyarah saya untuk subjek ini iaitu Dr Nordiana binti Ab Jabar. Terima kasih kerana telah membimbing saya dalam mendapatkan bahan-bahan lampiran untuk tugas ini. Beliau juga telah memberi saya dan rakan-rakan sekelas yang lain penerangan yang sangat jelas. Beliau telah banyak menyumbangkan idea dan pengetahuan serta pengalaman yang dapat saya gunakan sebagai panduan.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan sekelas saya kerana mengamalkan sikap bantu membantu dalam menyiapkan tugas ini. Kami saling bantu membantu dalam menambah baik lagi idea yang sedia ada rakan-rakan sekelas. Bahkan mereka juga tidak kedekut ilmu dalam berkongsi maklumat.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan buat ahli keluarga saya yang tercinta iaitu ibu bapa saya iaitu Encik Fadzil bin Abdo Rahaman dan Puan Azina binti Khasim yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan yang positif sepanjang saya menjalankan kajian ini bersama-sama. Segala jasa baik dari mereka semua telah membantu saya untuk terus fokus dengan tugas yang diberikan ini.

Akhir kata, saya juga amat berhutang budi kepada seluruh pihak Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan yang banyak membantu dan menyediakan banyak bahan dan rujukan untuk kegunaan saya sepanjang melaksanakan tugas ini. Segala sokongan, maklumat dan perkongsian amat sangat saya hargai.

Sekian, terima kasih

Fitri Amirah binti Fadzil
Jabatan Pengajian Warisan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Kampus Bachok Kota Bharu Kelantan


KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	5
1.2 Latar belakang kajian	9
1.3 Permasalahan kajian	11
1.4 Persoalan kajian	11
1.5 Objektif kajian	12
1.6 Skop kajian	13
1.7 Kepentingan kajian	15
1.8 Kesimpulan	
BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Kajian lepas mengenai Nilai	18
2.2.1 Tesis	18
2.2.2 Artikel jurnal	19
2.2.3 Lain-lain	22
2.3 Kajian lepas mengenai Cerita Rakyat	23
2.3.1 Tesis	23
2.3.2 Artikel jurnal	25
2.3.3 Lain-lain	28
2.4 Kajian lepas mengenai Dasar Kebudayaan Negara	28
2.4.1 Tesis	28
2.4.2 Artikel jurnal	29
2.4.3 Lain-lain	31
2.5 Kesimpulan	32
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	33
3.2 Reka bentuk kajian	34
3.2.1 Dokumentasi	36
3.3 Cara pengumpulan data	37
3.3.1 Kaedah kepustakaan	37
3.3.2 Analisis Dokumen	37
3.3.2.1 Teks	38

3.3.2.2	Artikel Jurnal	39
3.4	Dasar Kebudayaan Negara	39
3.4.1	Pengenalan	39
3.4.2	Kaedah analisis	41
3.4.3	Kerangka teori	43
3.5	Penutup	44
BAB 4: ANALISIS KAJIAN		
4.1	Pengenalan	46
4.2	Mengkaji nilai dan hubungkait cerita Sastera Rakyat Pahang dengan DAKEN	48
4.2.1	Nilai budi	49
4.2.1.1	Nilai budi dalam cerita anak beruk balas budi	48
4.2.1.2	Nilai budi dalam cerita Raja Ahmad Bujang	51
4.2.2	Nilai keilmuan ilmu	52
4.2.2.1	Nilai keilmuan ilmu dalam cerita Dayang Siti Jalan	54
4.2.2.2	Nilai keilmuan ilmu dalam cerita Patung Puteri Cendana	56
4.2.2.3	Nilai keilmuan ilmu dalam cerita Raja Muda Ayam Jadian	57
4.2.3	Nilai kesetiaan	60
4.2.3.1	Nilai kesetiaan dalam cerita kesetiaan isteri	61
4.2.3.2	Nilai kesetiaan dalam cerita Raja Ahmad bujang	63
4.2.4	Nilai kesaksamaan	64
4.2.4.1	Nilai kesaksamaan dalam cerita Anak beruk membalas budi	65
4.2.5	Nilai muafakat	67
4.2.5.1	Nilai muafakat dalam cerita Awang berani	68
4.2.5.2	Nilai muafakat dalam cerita Puteri Geris	70
4.2.5.3	Nilai muafakat dalam cerita Raja Muda Ayam Jadian	72
4.2.6	Nilai kesejahteraan	74


4.2.6.1 Nilai kesejahteraan dalam cerita Ahmad putera dengan Raja singa	75
4.2.6.2 Nilai kesejahteraan dalam cerita Raja Ahmad bujang	77
4.2.7 Nilai kerohanian	79
4.2.7.1 Nilai kerohanian dalam cerita Ahmad putera dengan Raja singa	80
4.2.7.2 Nilai kerohanian dalam cerita Raja Ahmad Bujang	82
4.2.7.3 Nilai kerohanian dalam cerita kesetiaan isteri	83
	84
4.2.8 Nilai kejujuran/ tulus ikhlas	86
4.2.8.1 Nilai kejujuran dalam cerita Ahmad Putera dengan Raja Singa	87
4.2.8.2 Nilai kejujuran dalam cerita Raja Ahmad bujang	89
4.2.8.3 Nilai tulus ikhlas dalam cerita kesetiaan isteri	91
4.3 Mengenal pasti cara untuk memupuk generasi muda supaya kekalkan nilai yang terdapat dalam sastera rakyat Pahang.	91
4.3.1 Para pelajar	91
4.3.2 Platform digital	92
4.3.3 Pihak pendidikan	93
4.3.4 Ibu bapa	95
4.3 Penutup	98
BAB 5: KESIMPULAN	98
5.1 Pengenalan	99
5.2 Rumusan Hasil Kajian	102
5.3 Cadangan	102
5.3.1 Individu	102
5.3.2 Masyarakat	103
5.3.3 Pihak Institusi	104
5.4 Penutup	105



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

ABSTRAK

Terdapat dua bentuk cerita rakyat Melayu iaitu bentuk naratif dan bukan naratif. Bentuk naratif dipanggil cerita rakyat atau cerita lisan, yang terdiri daripada beberapa jenis seperti cerita atau cerita rakyat Lipurlara, cerita teladan, dongeng haiwan, cerita lucu, mitos dan legenda. Sementara itu sebahagian besar bahan bukan naratif berlaku dalam ayat. Sebagai contoh, ia merangkumi kata-kata rakyat, lagu-lagu rakyat, cerita tradisional, teka-teki, rima pantun, gurindam atau syair, dan seloka atau syair satira dan lain-lain. Oleh yang demikian, menceritakan cerita rakyat itu adalah satu aktiviti penting kerana ia dapat memberi beberapa faedah untuk kanak-kanak. Faedah cerita rakyat membantu perkembangan imaginasi kanak-kanak, meningkatkan kecerdasan kanak-kanak dan sebagai media dalam membina etika. Ia juga digunakan sebagai media dalam membina kehidupan nilai, merangsang minat membaca dan membina keakraban antara ibu bapa dengan kanak-kanak. Namun begitu, cerita rakyat sudah tidak mendapat perhatian masyarakat khususnya masyarakat melayu moden hari ini yang lebih gemar mendedahkan anak-anak dengan cerita dari negara luar untuk membantu tingkatan kemahiran bahasa. Berdasarkan kepada dua objektif kajian ini iaitu mengkaji nilai dan hubungkait cerita *Sastera Rakyat Pahang* dengan DAKEN dan mengenal pasti cara untuk memupuk generasi muda supaya kekalkan nilai yang terdapat dalam *Sastera Rakyat Pahang* terdapat lapan nilai daripada 10 nilai bersama yang dapat dikeluarkan dari sembilan buah cerita rakyat Pahang yang terdapat dalam buku *Sastera Rakyat Pahang* itu. Oleh itu, pentingnya kepada masyarakat hari ini untuk mendedahkan semula cerita-cerita yang jelas memiliki banyak nilai yang dapat dicontohi dan diaplikasikan dalam kehidupan harian.

Kata kunci: Cerita rakyat, DAKEN, Nilai bersama, Sastera Rakyat Pahang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

There are two forms of Malay folktales which are narrative and non-narrative. Narrative forms are called folktales or oral stories, which consist of several types such as *Lipurlara* stories or folktales, exemplary stories, animal fables, funny stories, myths and legends. Meanwhile most of the non-narrative material occurs in verse. For example, it includes folk sayings, folk songs, traditional stories, riddles, rhymes, *gurindam* or poetry, and satirical poetry or satire and others. Therefore, telling folk stories is an important activity because it can provide several benefits for children. The benefits of folklore help the development of children's imagination, improve children's intelligence and as a media in building ethics. It is also used as a media in building a life of values, stimulating interest in reading and building intimacy between parents and children. However, folk tales have not received the attention of society, especially modern Malay society today, which prefers to expose children to stories from foreign countries to help improve their language skills. Based on the two objectives of this study, which is to study the value and relationship of Pahang Folk Literature with DAKEN and identify ways to nurture the younger generation to maintain the values found in Pahang Folk Literature, there are eight values out of 10 common values that can be extracted from nine Pahang folk stories which is found in the book *Satera Rakyat Pahang*. Therefore, it is important for today's society to re-expose stories that clearly have many values that can be emulated and applied in daily life.

Keywords: Folklore, DAKEN, Shared values, Pahang Folk Literature.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Cerita rakyat merujuk kepada pengetahuan dan kepercayaan tradisional yang biasanya diturunkan secara lisan iaitu ia disampaikan dari mulut ke mulut. Cerita rakyat boleh terdiri daripada cerita binatang, cerita jenaka, cerita dongeng, cerita kepahlawanan, cerita legenda dan cerita asal usul. Walaupun ia telah digunakan sebagai alat untuk menurunkan sejarah tamadun, tamadun ini mungkin mempunyai bahasa bertulis atau tidak. Ini bermakna sesetengah cerita rakyat hanya boleh didapati secara lisan oleh nenek moyang terdahulu yang gemar berkongsi cerita-cerita rakyat kepada anak-anak kecil.

Cerita-cerita yang dikongsi melalui cerita rakyat ini pada kebiasaannya menceritakan kisah yang jelas tentang budaya sesuatu kaum. Cerita-cerita ini selalunya terdiri daripada cerita rekaan yang melibatkan haiwan dan manusia. Seperti yang diketahui umum bahawasanya cerita rakyat ini sememangnya tidak memiliki sumber yang sahih dan tidak diketahui pemilik utama cerita rakyat tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan asal-usul beberapa cerita ini tidak diketahui dan masih

tidak diketahui sehingga ke hari ini. Sukar untuk mengesan asal usul beberapa cerita rakyat kerana ia telah diturunkan dari mulut ke mulut iaitu secara lisan. Tambahan lagi, terdapat sesetengah bahasa masyarakat yang tidak mempunyai rekod bertulis. Ia juga berkemungkinan bahawa sebahagian daripada cerita rakyat telah diubah semasa proses penyampaian secara lisan ini.

Penting bagi masyarakat hari ini untuk mendalami dan memahami cerita-cerita rakyat yang dahulunya sering meniti di bibir orang-orang tua terutamanya pada waktu malam sebagai satu hiburan dan pengetahuan yang dikongsikan kepada anak-anak kecil. Cerita rakyat dikatakan penting kerana ia bertindak sebagai sebuah catatan sejarah budaya masyarakat. Terdapat pelbagai kebiasaan dalam cerita yang dikongsikan dari generasi ke generasi dan secara tidak langsung keadaan ini telah menghubungkan seseorang dari satu masyarakat merentas generasi. Selalunya terdapat hikmah yang boleh setiap individu atau masyarakat itu perolehi daripada cerita rakyat dan mereka juga dapat belajar tentang kejayaan dan kegagalan yang berlaku dalam kalangan masyarakat tertentu. Cerita rakyat juga dikatakan sarat dengan pengajaran, nilai dan moral pada penghujungnya. Oleh itu, keadaan ini dapat menunjukkan perspektif yang berbeza dalam sesebuah cerita untuk memberi pengajaran, nilai dan moral kepada semua masyarakat.

Selain daripada itu, Cerita rakyat juga mempunyai makna dan konteks yang meliputi masyarakat dan sosio budaya serta berkaitan dengan tradisi pengetahuan. Istilah pengetahuan tradisional adalah istilah umum yang merangkumi ekspresi kreatif, maklumat dan pengetahuan bagaimana sesebuah cerita rakyat itu secara khusus mempunyai ciri-ciri tersendiri yang boleh digunakan sebagai identiti unit sosial. Bentuk ilmu merujuk kepada pengetahuan persekitaran tradisional. Dengan pembaharuan undang-undang dan dasar-dasar pembangunan pertanian, kepelbagaian biologi dan harta intelek, serta kearifan tempatan yang lain, kajian ilmu tradisional bermula berkembang dari tahun ke tahun. Oleh itu, cerita tradisional itu wujud serta menjadi milik

masyarakat melayu dan dinamakan sebagai sastera rakyat iaitu sebuah karya sastera yang lahir kalangan masyarakat. Kebiasaannya sastera rakyat merujuk kepada sastera pada zaman dahulu yang telah menjadi warisan masyarakat. Sastera rakyat merupakan sebahagian daripada kehidupan budaya masyarakat lama. Sebagai contoh, dalam cerita rakyat Melayu lama sastera ini dianggap sebagai sumber hiburan untuk penduduk setempat.

Cerita rakyat di Malaysia ini terdapat dalam pelbagai versi dan variasi mengikut adat dan budaya setempat. Setiap negeri-negeri di Malaysia ini memiliki cerita rakyat yang tersendiri. Antaranya adalah negeri pahang iaitu sebuah negeri ketiga terbesar di Malaysia dan negeri terbesar di semenanjung mengikut kawasan dan kesembilan terbesar mengikut populasi. Negeri ini menduduki lembangan Sungai Pahang dan hamparan pantai timur hingga ke selatan Endau. Negeri ini dibahagikan kepada 11 daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bera. Daerah yang terbesar di dalam negeri ini ialah Jerantut iaitu terletak pada pintu masuk utama ke Taman Negara. Ibu kota dan bandar terbesar di Pahang merupakan daerah Kuantan merupakan aglomerasi bandar kelapan terbesar mengikut populasi di Malaysia. Memandangkan negeri ini negeri terbesar di semenanjung maka sudah tentu mereka memiliki banyak cerita rakyat yang boleh dikaji untuk mencungkil nilai-nilai yang ingin masyarakat tonjolkan melalui cerita-cerita rakyat yang lahir dari negeri Pahang itu sendiri.

Bagi menjalankan kajian terhadap nilai-nilai yang terkandung di dalam cerita-cerita rakyat negeri Pahang, pengkaji telah mendasari kepada konsep nilai bersama yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021. Dasar Kebudayaan Kebangsaan 2021 ini dilancarkan bagi memacu industri seni dan budaya negara. Dasar ini merupakan satu usaha ke arah merealisasikan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan kekayaan masyarakatnya yang berbilang kaum, budaya dan etnik di samping memelihara dan memulihara warisan budaya negara.

Oleh itu, bagi objektif utama dalam perancangan Dasar Kebudayaan Negara 2021 adalah untuk mewujudkan masyarakat berbudaya nilai tinggi melalui pelaksanaan budaya kebangsaan, budaya suku kaum, khazanah warisan dan kecemerlangan budaya di samping mengukuhkan perpaduan, identiti nasional dan keperibadian kolektif rakyat.

Tambahan pula, di dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021 telah menggariskan tujuh teras utama yang berkaitan dengan pelaksanaan strategi seni, budaya dan warisan masa depan yang akan merangkumi budaya bernilai tinggi, keharmonian masyarakat, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya, pembangunan dan pengembangan budaya, pemerksaan budaya, penjanaan ekonomi budaya dan budaya. Di dalam usaha untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju serta melahirkan rakyat yang berbudaya nilai tinggi hendaklah berpaksikan kepada prinsip-prinsip berikut. Antaranya adalah budaya nilai tinggi yang memfokuskan kepada tatacara, tatasusila dan tahap keintelektual sebagai teras utama. Oleh itu, terdapat konsep Nilai Bersama yang menjadi garis utama kepada Budaya Nilai Tinggi di dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tradisi kesusasteraan di negeri Pahang ditelusuri sejak zaman Kesultanan Melayu Pahang lama. Sumbangan kepada kesusasteraan Melayu Klasik yang kaya dibuktikan dalam bentuk kesusasteraan undang-undang seperti Hukum Kanun Pahang dan Kesusasteraan Sejarah seperti Hikayat Pahang. Sehingga awal abad ke-20, kebanyakan karya sastera adalah usaha penulis individu yang khusus dalam mata pelajaran tertentu. Antara penulis terkenal ialah Shihabuddin Zainal Abidin yang karya-karyanya adalah sastera agama dalam genre syair dan Ibrahim Hj Yaacob di mana karyanya mempromosikan sentimen nasionalistik di Tanah Melayu penjajah. Tokoh-tokoh sasterawan terkemuka lain termasuklah Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Keris Mas, Hj Zakaria Hitam (Pak Zek) dan Hj Ibrahim Omar.

Latar semula jadi negeri Pahang, sejarah, manusia dan budayanya menjadi tema penting bagi kesusasteraan di Pahang. Karya fiksyen terkenal Ishak Haji Muhammad, Putera Gunung Tahan (1938) mengambil latar Gunung Tahan, manakala Rimba Harapan karya Keris Mas berlatarkan di Kampung Ketari, Bentong. Terdapat juga puisi Sahmad Malaya yang menggambarkan Janda Baik, Gunung Tahan, Bukit Tinggi dan Tasik Chini. Seorang lagi penulis, Zakaria Hitam merupakan seorang ulama terkenal kelahiran Pahang yang terkenal dengan koleksi tradisi lisan cerita rakyat Pahang. Cerita rakyat Melayu terkenal asal Pahang, termasuk cerita bardik seperti legenda Walinong Sari, Sang Kelembai, Naga Seri Gumum dan Seri Pahang. Pada tahun 1957, masyarakat penulis Pahang telah menubuhkan Dewan Persuratan Melayu Pahang (Institut Persuratan Melayu Pahang) sebagai satu platform untuk mereka mempromosikan kepada

generasi baru untuk menulis dan menyebarkan karya sastera Pahang kepada rakyat Malaysia khususnya masyarakat generasi kini.

Terdapat dua bentuk cerita rakyat Melayu iaitu bentuk naratif dan bukan naratif. Bentuk naratif dipanggil cerita rakyat atau cerita lisan, yang terdiri daripada beberapa jenis seperti cerita atau cerita rakyat Lipurlara, cerita teladan, dongeng haiwan, cerita lucu, mitos dan legenda. Sementara itu sebahagian besar bahan bukan naratif berlaku dalam ayat. Sebagai contoh, ia merangkumi kata-kata rakyat, lagu-lagu rakyat, cerita tradisional, teka-teki, rima pantun, gurindam atau syair, dan seloka atau syair satira dan lain-lain (Mat Piah, 2003). Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada sastera rakyat yang berbentuk naratif. Dalam kategori ini, mitos dan legenda sangat berbeza daripada cerita Lipurlara, cerita teladan, dongeng haiwan dan cerita lucu. Perbezaan ditakrifkan berdasarkan kepercayaan, konsep masa dan latar, status agama dan watak utama.

Kemudian, terdapat juga cerita teladan iaitu cerita rakyat yang mempunyai unsur didaktik, memberikan mesej nilai dan moral yang kuat dan memberi pengajaran yang boleh diambil. Kisah-kisah teladan ini biasanya disasarkan kepada kanak-kanak, di mana kandungan cerita disemai dengan nilai dan moral yang kukuh berdasarkan unsur sosial, budaya atau rohani. Kisah-kisah teladan ini disusun dalam format yang ringkas dan mudah. Hanya terdapat beberapa watak yang terlibat dan mereka terdiri daripada individu biasa. Tidak seperti cerita rakyat, cerita teladan ini tidak menawarkan unsur ajaib tetapi kadangkala membenarkan konsep realiti memainkan peranan yang penting. Oleh itu, kebanyakan plot berkisar di dunia nyata dengan sedikit variasi dalam lokasi termasuk kampung, hutan, laut dan kadangkala kawasan istana. Seiring dengan peranan utamanya sebagai saluran pendidikan moral, cerita teladan membawa pelbagai tema yang berkaitan dengan tingkah laku yang baik, penyayang dan mengambil berat terhadap manusia dan haiwan,

mengukuhkan ikatan kekeluargaan dan lain-lain. Pengajaran yang paling penting ialah keadilan, kejujuran serta perbuatan baik yang dapat menonjolkan perbezaan di antara kebaikan dan perbuatan jahat yang ditonjolkan dalam sesebuah cerita.

Seterusnya, di dalam cerita rakyat juga terdapat cerita jenaka. Cerita jenaka adalah cerita yang tidak canggih yang diceritakan secara bersahaja. Oleh itu, strukturnya agak memudahkan. Kebanyakan cerita bermula dengan pengenalan kasual watak utama, diikuti dengan aksi lucu yang digambarkan dalam cerita tersebut. Biasanya watak utama mengaitkan cerita tersebut melalui beberapa akaun yang mengikat ke dalam satu keseluruhan cerita yang melibatkan watak utama tersebut. Dongeng haiwan atau cerita fabel ini merupakan cerita rakyat tradisional Melayu yang popular. Kisah-kisah ini menggambarkan haiwan yang boleh mengartikulasikan dan berfikir seperti manusia. Dalam masyarakat Melayu, dongeng haiwan yang popular ialah Sang Kancil, Anjing dan Renungannya dan Ayam dan Kambing namun Sang Kancil adalah yang paling popular. Menurut R.O. Windstedt, kisah Sang Kancil berasal dari India. Persamaan cerita rakyat ini di rantau Asia Tenggara dikaitkan dengan penyebaran. Apabila dianalisis dari segi fungsinya, cerita haiwan bukan sekadar menghiburkan tetapi menjadi pengajaran moral. Kancil yang licik dan lucu ditayangkan sebagai watak yang paling meyakinkan untuk menarik perhatian kanak-kanak itu. Antara iktibar ialah kita perlu mengasah pemikiran dalam menghadapi dugaan hidup, kita perlu sedar bahawa banyak sifat negatif boleh merosakkan kita dan banyak lagi pengajaran.

Cerita mitos pula bertujuan untuk memenuhi keperluan manusia untuk mengetahui mereka menerangkan perkara di luar apa yang diterima oleh minda dan pengetahuan masa lalu. Selain itu, mitos juga menjadi asas kepada kepercayaan tradisional orang Melayu terhadap sesuatu yang bersifat berkuasa. Selepas kedatangan agama Hindu, Buddha dan Islam, mitos akhirnya menjadi cerita yang menerangkan asal usul alam sahaja. Manakala dari sudut pandangan struktur, mitos

biasanya merupakan cerita sederhana dengan pelbagai motif. Dalam masyarakat yang menerimanya sebagai dongeng, mitos mungkin dikaitkan oleh sesiapa sahaja tetapi dalam masyarakat yang masih menganggap mitos sebagai sebuah perkara yang dianggap suci, ia hanya boleh diceritakan semula oleh individu tertentu selalunya disertai dengan ritual. Jika ritual tersebut tidak dipatuhi, dikatakan sesuatu yang buruk akan menimpa qari atau kaum yang terlibat.

Untuk kajian ini, pengkaji menggunakan sebuah buku yang bertajuk *Sastera Rakyat Pahang* yang hanya memfokuskan kepada cerita-cerita rakyat di negeri Pahang. Di dalam buku tersebut terkandungnya 15 buah cerita rakyat yang mengisahkan tentang cerita dongeng mengenai sebuah pengembaraan, kepahlawanan seseorang yang memiliki kuasa luar biasa dan kisah-kisah cinta yang sering diperlihatkan dalam kalangan masyarakat. Cerita-cerita rakyat tersebut merupakan cerita yang ditulis semula dengan menggunakan bahasa yang sama dengan yang digunakan orang-orang di tempat itu serta ia bertepatan dan sesuai dengan cerita aslinya.

Di dalam buku tersebut memiliki banyak cerita yang berbeza dengan tema yang berbeza. Beberapa temanya adalah tentang cinta, sihir, berpetualang, kemasyarakatan dan cerita tentang budaya yang terdapat di dalam kalangan masyarakat. Ceritanya bukan hanya tentang raja dan ratu, tetapi juga tentang rakyat jelata. Kisah-kisah masyarakat biasa yang menempuh masa-masa sulit dan mencuba mencari jalan terbaik dalam meneruskan kehidupan. Terdapat juga cerita di mana manusia dan binatang yang saling berbicara antara satu sama lain. Kebiasaannya binatang-binatang di dalam cerita-cerita rakyat ini memiliki kemampuan khusus dan dapat bertutur sebagai satu simbolik kepada orang ramai dalam menggambarkan perangai segelintir masyarakat bagi tujuan teguran.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Cerita rakyat adalah cerita yang dipengaruhi oleh tradisi dan adat resam manusia. Mereka adalah universal terutamanya di kalangan rakyat walaupun kemajuan mereka dan tahap sosialisasi. Oleh yang demikian, menceritakan cerita rakyat itu adalah satu aktiviti penting kerana ia dapat memberi beberapa faedah untuk kanak-kanak. Faedah cerita rakyat membantu imaginasi kanak-kanak, meningkatkan kanak-kanak kecerdasan dan sebagai media dalam membina etika. Ia juga digunakan sebagai media dalam membina kehidupan nilai, merangsang minat membaca dan membina keakraban antara ibu bapa dengan kanak-kanak. Namun begitu, cerita rakyat sudah tidak mendapat perhatian masyarakat khususnya masyarakat melayu moden hari ini yang lebih gemar mendedahkan anak-anak dengan cerita dari negara luar untuk membantu tingkatan kemahiran bahasa.

Seterusnya, anak-anak kecil pada masa kini tidak didedahkan dengan cerita-cerita rakyat yang terkandung pelbagai nilai-nilai yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini amat mengecewakan kerana apabila cerita rakyat dapat diturunkan dari generasi ke generasi, mereka akan memodelkan tingkah laku dan membantu mengukuhkan jangkaan tentang cara menjalani kehidupan yang bermakna. Hal ini dikatakan demikian kerana dari semasa ke semasa, cerita rakyat secara halus memasukkan ciri-ciri watak seperti penyayang, kepintaran, kepercayaan atau keberanian ke dalam struktur cerita yang akan membantu membentuk anak-anak menjadi manusia yang berbudi bahasa seperti yang digambarkan oleh masyarakat melayu dahulu..

Memandangkan masyarakat melayu masa kini khususnya generasi muda sudah luntur adab kesopanan dan tata susila yang perlu ada dalam diri setiap orang, maka di dalam cerita rakyat juga telah memaparkan perihal kesopanan dan kesusilaan. Pakar pendidikan turut bersetuju bahawa ibu bapa harus mula membina sahsiah anak mereka dari usia remaja. Hal ini kerana, pada usia seperti ini, golongan remaja boleh dengan mudah dibentuk dan dibimbing untuk mempelajari tentang perbezaan antara betul dan salah dan cara menjalani kehidupan yang stabil dari segi moral. Justeru, pengajaran nilai-nilai positif seperti kasih sayang, keberanian, kejujuran, integriti, disiplin diri, tanggungjawab, keadilan, kasih sayang, belas kasihan dan kejujuran akan menjadi lebih membina apabila golongan remaja mengaplikasikannya dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan juga turut mengambil maklum mengenai permasalahan yang masyarakat yang kini hadapi iaitu lunturnya nilai-nilai yang perlu ada dalam diri setiap individu terutamanya dalam memastikan setiap masyarakat dapat hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni tanpa ada isu ketidakpuasan hati mengenai sikap mana-mana individu. Oleh itu, terdapat satu dasar yang mula diperkenalkan kepada masyarakat di Malaysia khususnya iaitu Dasar Kebudayaan Negara 2021 yang menjadi salah satu usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan nilai-nilai positif dalam kalangan masyarakat di Malaysia agar mampu melahirkan masyarakat yang kaya dengan nilai moral dan masyarakat yang mampu melahirkan suasana positif sehingga mampu bekerjasama dan saling bertolak ansur terutamanya apabila berada dalam satu kelompok masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya seperti di negara Malaysia ini sendiri.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai tujuan dan objektif kajian, pengkaji akan mendapatkan jawapan kepada persoalan berikut:

- Apakah perkaitan di antara cerita rakyat di dalam *Sastera Rakyat Pahang* dengan sepuluh nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara?
- Apakah cara-cara untuk mengekalkan nilai yang ditonjolkan dalam sastera rakyat Pahang kepada generasi kini?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Melalui kajian ini, pengkaji dapat:

- Mengkaji nilai dan hubungkait cerita *Sastera Rakyat Pahang* dengan Dasar Kebudayaan Negara.
- Mengenal pasti cara untuk memupuk generasi muda supaya kekalkan nilai yang terdapat dalam sastera rakyat Pahang.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini perlu dilaksanakan supaya pengkaji dapat mengelak daripada permasalahan yang dikaji itu tersasar jauh. Oleh itu, sebagaimana yang terkandung di dalam tajuk kajian yang dijalankan ini pengkaji akan mengkaji nilai yang terkandung dalam cerita-cerita yang terdapat di dalam buku *Sastera Rakyat Pahang* yang telah diselenggara oleh beberapa orang iaitu Madiawati Mamat@Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang dan Rohaya Junaidi. Terdapat 15 buah cerita rakyat yang terkandung didalam buku *Sastera Rakyat Pahang* namun di dalam sastera rakyat itu pengkaji hanya memberi fokus kepada cerita rakyat sahaja. Malah pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada sembilan buah cerita rakyat sahaja iaitu cerita *Ahmad Putera dan Raja Singa, Anak Beruk membalas budi, Awang berani, Dayang Siti Jalan, Kesetiaan Isteri, Puteri Geris, Puteri Patung Cendana, Raja Ahmad Bujang dan Raja Muda Ayam Jadian*.

Seterusnya, di dalam kajian ini pengkaji mengaitkan sembilan buah cerita rakyat terpilih yang terdapat dalam *Sastera Rakyat Pahang* dengan konsep nilai bersama yang telah disenaraikan di dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021. Nilai-nilai yang dikeluarkan dari cerita rakyat Pahang itu mendasari kepada konsep sepuluh nilai bersama yang telah digariskan dalam dasar tersebut. Daripada sepuluh nilai yang difokuskan di dalam dasar tersebut namun pengkaji hanya mengeluarkan lapan nilai sahaja antaranya adalah nilai kesetiaan, nilai budi, ketinggian ilmu, nilai kerohanian, nilai muafakat, nilai kesaksamaan, nilai kesejahteraan dan nilai kejujuran. Lapan nilai ini yang akan pengkaji keluarkan daripada sepuluh cerita rakyat Pahang yang terpilih itu.

Skop kajian ini akan memberikan tumpuan kepada kajian teks yang pengkaji jalankan ke atas buku *Sastera Rakyat Pahang* yang kaya dengan cerita-cerita rakyat yang mempunyai pelbagai tema dan persoalan serta terkandung juga di dalamnya nilai-nilai, pengajaran dan nilai murni yang dipaparkan oleh masyarakat setempat iaitu masyarakat di negeri Pahang. Tambahan pula, kebanyakan cerita rakyat ini sifatnya adalah memelihara dan menghantar nilai budaya sekumpulan masyarakat dan membantu dalam mempamerkan bagaimana masyarakat memandang dirinya, bagaimana ia memandang tanggapan keadilan dan kewajipan sosial warganya. Ia menjadi lebih mudah untuk setiap peringkat masyarakat untuk mengambil moral asas cerita kerana cerita rakyat memudahkannya untuk mereka fahami.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang pengkaji jalankan ini adalah untuk melihatkan juga keperibadian sebagai anak jati Pahang yang buta tentang budaya, pemakaian dan pemakanan masyarakat Pahang ini, tujuan kajian ini adalah supaya dapat memberi kesedaran kepada diri sendiri dan masyarakat muda masa kini terutamanya yang dilahirkan sebagai anak Pahang. Oleh yang demikian amat wajar bagi setiap orang untuk berusaha mengembalikan semula cerita-cerita tradisional rakyat di negeri Pahang ini kerana melalui cerita rakyat terdapat banyak pengajaran, moral dan nilai yang dapat diambil oleh setiap orang dalam membentuk jati diri seorang rakyat yang memiliki sikap kesopanan yang tinggi. Tambahan lagi, generasi muda masa kini lebih gemar membaca novel-novel cinta yang kurang mendatangkan kesan positif dalam diri seseorang individu itu. Dengan kemudahan teknologi kini banyak novel yang dikeluarkan secara maya melalui aplikasi-aplikasi yang sedia ada seperti

aplikasi *Wattpad*, aplikasi *Novelplus* dan aplikasi *Noveltoon* namun tidak bagi cerita rakyat kerana cerita rakyat ini kurang mendapat sambutan daripada orang ramai.

Seterusnya melalui kajian ini juga pengkaji ingin menekankan kepentingan kepada tiga aspek utama iaitu kepentingan kepada individu itu sendiri, kepentingan kepada masyarakat dan kepentingan kepada negara. Oleh yang demikian bagi kepentingan kepada individu pengkaji ingin mengembalikan semula cerita rakyat di negeri Pahang ini kerana melalui cerita rakyat terdapat banyak moral dan nilai yang dapat diambil oleh setiap orang dalam membentuk jati diri seseorang. Bagi kepentingan kepada masyarakat pula setiap masyarakat harus mendidik generasi muda masa kini supaya kerap bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu yang lebih baik dan lebih sopan kerana generasi muda masa kini dilihat kurangnya nilai dan adab dalam diri terutamanya apabila mereka ini sering didedahkan dengan internet yang dapat mengajar mereka lebih banyak perkara-perkara baru samada dari sudut positif mahupun negatif. Manakala bagi kepentingan kepada negara pula, melalui kajian ini pengkaji membantu mengetengahkan dasar yang dibuat kepada orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak kerajaan juga harus memainkan peranan penting untuk menekankan konsep sepuluh nilai bersama yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021 untuk diterapkan dalam diri setiap orang.

1.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa masyarakat melayu memang sebuah masyarakat yang kaya dengan kesopanan dan ketinggian akhlak dalam mendidik anak-anak terutamanya apabila kita banyak membaca cerita-cerita rakyat yang pada awalnya disampaikan secara lisan kepada orang ramai namun kini telah diubah dalam bentuk tulisan di mana penulisan ayat yang digunakan oleh mereka amat puitis dan berlapik kerana masyarakat Melayu amat menjaga adab dalam apa jua keadaan sekali pun. Oleh itu, budaya seolah-olah melambangkan jati diri sebuah bangsa Melayu itu kerana budaya haruslah diamalkan dan diwarisi agar tidak lapuk dan tidak hilang ditelan arus permodenan masa kini.


Tambahan pula, sastera rakyat juga mempunyai beberapa fungsi dalam bidang pendidikan dan didaktik yang sesuai dengan kepelbagaian masyarakat dan budaya di Malaysia. Oleh itu, kesusasteraan rakyat ini boleh dijadikan sebagai bahan untuk mengkaji masyarakat dan budaya Melayu serta menjadi bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak khususnya. Rakyat Malaysia perlu menunjukkan sikap yang positif dan terbuka terhadap sastera rakyat dalam pendidikan awal kanak-kanak terutamanya sokongan dari golongan ibu bapa. Ini menunjukkan sifat kekal sastera rakyat Melayu di Malaysia dan ia wajar dijadikan warisan kepada generasi muda selaras dengan pepatah Melayu *melentur buluh biarlah daripada rebungunya*.

Oleh itu, untuk menghidupkan sastera rakyat sebagai bahan pendidikan awal kanak-kanak, cerita yang sesuai harus dipilih sebagai cerita wajib atau buku teks di tadika mahupun prasekolah. Bahan-bahan tersebut boleh digunakan dalam aktiviti oleh guru untuk menarik minat kanak-kanak seperti dalam drama, bercerita, menyanyi, menari dan sebagainya. Para guru juga digalakkan


menggunakan bahan seperti ini untuk menyelesaikan masalah, mengaitkan bahan dengan situasi yang dihadapi, menerangkan dan menilai atau membuat kesimpulan berdasarkan bahan bacaan dan menggunakannya untuk mencipta sesuatu yang baharu.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Di dalam bab ini menyentuh mengenai kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh orang ramai. Bahagian awal menjelaskan kajian lepas mengenai nilai murni manakala untuk bahagian seterusnya kajian lepas mengenai cerita rakyat. Akhir sekali hasil kajian lepas yang menyentuh isu mengenai kajian yang pengkaji jalankan.

2.2 KAJIAN LEPAS MENGENAI NILAI

2.2.1 TESIS

Haslindar Nor binti Ismail (2019) Pepatah Melayu memiliki banyak pelajaran penting. Kajian ini dilakukan untuk mengajarkan kepada masyarakat tentang nilai-nilai kebaikan yang harus kita terapkan dalam kehidupan sehari-hari. Penelitian ini memiliki tiga tujuan: menemukan nilai-nilai yang baik dalam buku-buku tertentu, menjelaskan apa arti nilai-nilai tersebut, dan menggunakan teori untuk membantu menjelaskannya. ketiga, kami ingin melihat apakah sebaiknya siswa menggunakan kata-kata bijak di sekolah. Kami akan menggunakan cara belajar yang melihat bagaimana orang menggunakan bahasa dalam situasi yang berbeda. Kami akan membaca beberapa buku dan menganalisisnya untuk mendapatkan informasi untuk studi kami. Kita akan melihat buku yang dibaca siswa di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menceritakan bahawa cerita rakyat Melayu bagaikan khazanah tersendiri yang sangat penting bagi masyarakat Melayu. Ini membantu mereka belajar tentang budaya, sejarah, dan cara hidup mereka. Itu juga memiliki pelajaran bagus yang dapat mengajari mereka tentang bersikap baik dan adil. Ada yang melakukan penelitian untuk mengetahui lebih jauh tentang pelajaran-pelajaran tersebut dalam cerita rakyat Melayu. Mereka menggunakan buku dan dokumen lain untuk membantu mereka. Mereka menemukan bahwa cerita rakyat Melayu memiliki banyak nilai-nilai kebaikan yang dapat mengajarkan manusia bagaimana menjadi baik dan baik hati.

Kayalvily A/P Tharmalingam (2019) Kajian ini ingin melihat pelajaran tentang bagaimana seharusnya manusia bersikap yang terdapat dalam puisi-puisi yang ditulis oleh

sebuah kelompok yang disebut “Siddha”. Meskipun orang telah mempelajari Siddha sebelumnya, tidak ada yang melihat secara khusus puisi mereka untuk melihat apa yang dapat mereka ajarkan kepada kita. Kajian ini akan menggunakan metode yang disebut “literature review” untuk mengetahui tiga pelajaran penting yang terkandung dalam puisi Siddha. Studi ini menemukan bahwa puisi mengajarkan kita tentang menjadi baik dan disiplin, memperlakukan semua orang dengan adil, dan memiliki keyakinan yang kuat tentang agama.

2.2.2 ARTIKEL JURNAL

Chew Fong Peng (2010) Di kelas bahasa Melayu di Malaysia, siswa belajar tentang nilai-nilai baik dalam agama dan tradisi mereka, serta adat istiadat berbagai kelompok di negara mereka. Mereka fokus pada 16 nilai yang ditemukan dalam tiga lakon tentang patriotisme dan cinta tanah air. Sebuah penelitian dilakukan pada 60 siswa dan menemukan bahwa anak laki-laki Melayu kelas atas lebih baik daripada anak perempuan non-Melayu kelas menengah atau bawah. Studi tersebut menunjukkan bahwa status ekonomi dan sosial siswa memiliki pengaruh paling kuat terhadap pemahaman mereka tentang nilai-nilai ini. Penting untuk mengajarkan nilai-nilai ini di sekolah untuk membantu orang memahami dan menghormati budaya satu sama lain.

Zurina Mahadi dan Hukil Sino (2007) Kajian ini menganalisis perkaitan nilai sosial asas dengan kontemporari matlamat pembangunan negara. Anjakan paradigma

pembangunan di Asia mengiktiraf konsep baru muncul pembangunan endogen dengan Jepun sebagai model yang menonjol. Hubungan antara nilai dan pembangunan dalam istilah umum dan dimensi khusus nilai yang berkaitan dengan pembangunan telah dianalisis dari perspektif Amerika Syarikat, Belanda dan Asia yang berbeza negara termasuk Malaysia.

Hanafi, Fatimi and Ismail, Mohd Zamani (2006) Malaysia memiliki berbagai jenis masyarakat, seperti Melayu Tionghoa dan India, yang masing-masing memiliki budaya dan kepercayaannya sendiri. Mereka semua memiliki peran dan tanggung jawab yang berbeda dalam komunitas mereka. Negara ini memiliki rencana yang disebut visi 2020 untuk menjadikan Malaysia lebih baik. Namun terkadang hal buruk terjadi, seperti bunuh diri dan kejahatan, yang menunjukkan bahwa orang tersesat. Tulisan ini akan berbicara tentang betapa pentingnya memiliki nilai-nilai yang baik di Malaysia, seperti menjadi seorang Muslim, Budha, atau Hindu yang baik. Penting bagi setiap orang untuk memiliki nilai-nilai yang baik, apalagi sekarang dengan adanya internet. Kita harus menggunakan pengetahuan untuk membantu orang lain, bukan menyakiti mereka. Ada pepatah lama yang mengatakan bahwa ilmu tanpa berbuat baik ibarat pohon tanpa buah.

Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid dan Samsilah Roslan (2015) terdapat kebimbangan mengenai masalah bagaimana orang muda berinteraksi satu sama lain. Orang-orang bertanya-tanya apakah mereka diajari nilai-nilai yang baik dalam hidup mereka. Sebuah penelitian dilakukan untuk melihat seberapa banyak pejar-pelajar sekolah menengah di Malaysia menghargai nilai-nilai yang baik. Mereka mengajukan pertanyaan kepada siswa dan menemukan bahwa mereka sangat menghargai beberapa nilai, seperti berterima kasih, mencintai negara mereka, dan menghormati orang lain. Tapi mereka

kurang menghargai nilai-nilai lain seperti bersatu padu dan bekerjasama sebagai sebuah masyarakat. Kajian ini membentangkan mengenai apa yang dapat dilakukan untuk mengajar anak muda untuk lebih menghargai nilai-nilai yang baik.

Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zainal Abidin dan Suziana Hanini Sulaiman (2018) Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah seperangkat gagasan untuk digunakan guru ketika mengajar sekolah dasar dan menengah di Malaysia. Guru harus memahami dan menggunakan idea-idea ini untuk membantu para pelajar untuk belajar dengan lebih baik. Tetapi beberapa guru masih belum memahami idea-idea ini, meskipun mereka sudah lama mengajar. Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan idea-idea dan bagaimana guru dapat menggunakannya dalam mengajar dan dalam kehidupan mereka. Kajian ini menggunakan dua cara untuk mengumpulkan data dan maklumat iaitu dengan memahami apa yang guru ajar dan melihat dokumen. Kajian ini menemukan bahawa guru harus menggunakan idea-idea ini di semua mata pelajaran dan kegiatan di sekolah.

Jamilah Ahmad dan Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir, Pemerintah Malaysia bekerja untuk menciptakan sebuah negara maju yang tidak hanya memiliki pertumbuhan ekonomi, tetapi juga memiliki orang-orang yang bermoral baik. Mereka ingin generasi muda belajar dan mengamalkan nilai-nilai baik dan positif agar dapat membantu memimpin negara pada masa depan. Negara-negara lain gagal kerana generasi berikutnya tidak mempertahankan hal-hal baik yang dicapai nenek moyang mereka. Untuk memahami bagaimana meningkatkan nilai-nilai moral anak muda Malaysia, sebuah penelitian dilakukan dengan menggunakan survei dan wawancara. Kajian tersebut menemukan bahwa ada empat nilai penting yang perlu dipelajari dan dipraktikkan oleh anak muda

Malaysia iaitu empati, kemajuan, integriti dan kesopanan. Kajian ini juga menemukan sembilan cara untuk mengajarkan dan memperkuat nilai-nilai yang baik di kalangan anak muda dan enam cara efektif untuk menyampaikan pesan-pesan ini kepada mereka.

Siti Aisyah Yap Abdullah, Norrodzoh@Nor Raudah Hj Siren dan Nurul Husna Mansor (2022) membuat kajian bahawa nilai-nilai Islam memainkan peran penting dalam bagaimana orang menjalani kehidupan mereka bersama di negara dan agama yang berbeza. Nilai-nilai ini didasarkan kepada ajaran Al-Quran dan As-Sunnah dan termasuk keyakinan, hukum dan moral. Mereka penting bagi masyarakat untuk diikuti dan dapat membantu meningkatkan pendidikan budaya. Artikel ini melihat bagaimana nilai-nilai tersebut direpresentasikan dalam serial animasi Upin dan Ipin, yang menunjukkan bagaimana umat yang berbeza agama dapat hidup rukun dan saling menghormati keyakinan masing-masing.

2.2.3 BUKU/ MAJALAH/ AKHBAR

Menurut Nadiah Ramlan (2023) Penting untuk memiliki perilaku dan nilai yang baik dalam kehidupan kita sehari-hari untuk membantu kita bergaul dengan orang lain dan menjadikan komunitas kita tempat yang lebih baik. Kita harus mempelajari hal-hal ini sejak usia muda, seperti bagaimana orang tua mendidik anak-anaknya. Penting bagi kesehatan fisik dan mental kita untuk hidup secara harmonis. Islam mengajarkan kita untuk bersikap sopan dan baik kepada semua orang, bahkan orang-orang dari budaya yang berbeda. Kita perlu bekerja sama dan bijaksana untuk memastikan bahwa kita semua memiliki peran

penting dalam komunitas kita. Dengan segala teknologi yang ada di sekitar kita, orang tua harus memastikan anak-anaknya tidak menghabiskan terlalu banyak waktu untuk menggunakannya, karena dapat berdampak besar bagi mereka tanpa disadari oleh orang tua.

Berdasarkan akhbar kosmo yang ditulis oleh Eddy Aqmal Mohamed Hamidi pada tahun 2021 kongsikan isu nilai murni. Akhir-akhir ini, beberapa orang berusaha membuat masalah di negara kita dengan membuat orang-orang dari berbagai latar belakang etnis tidak akur. Dulu mereka fokus menghina agama, tapi sekarang malah berusaha menghina keluarga kerajaan yang lebih parah lagi. Ini menyebabkan perpecahan di antara orang-orang dan tidak akan berhenti kecuali orang berhenti membuat masalah. Para pemimpin harus memberi contoh yang baik dan mengajari kita untuk bangga dengan negara kita dan tidak saling menghina. Kita perlu menyingkirkan rasisme, penghinaan agama, dan tidak menghormati pemerintah. Kita semua harus bangga menjadi orang Malaysia.

2.3 KAJIAN LEPAS MENGENAI CERITA RAKYAT

2.3.1 TESIS

Abdul Balim bin Bandan (1999) Kajian ini melihat cerita dan tradisi dari sekelompok orang yang disebut Bajau. Para peneliti ingin belajar lebih banyak tentang bagaimana orang Bajau hidup, berpikir, dan bertindak dalam masyarakatnya. Mereka melihat 15 cerita untuk melihat bagaimana orang Bajau menghargai hal-hal seperti

kepercayaan, pekerjaan, keamanan, keluarga, agama, dan lainnya. Mereka juga mempelajari bagaimana politik dan uang berperan dalam cara hidup orang Bajau. Kajian ini juga mengumpulkan cerita dan informasi dari banyak orang, termasuk mereka yang mengetahui tentang orang Bajau dan mereka yang tinggal di Sabah. Penelitian ini juga menggunakan kaedah analisis informasi dari seorang peneliti yang mempelajari bagaimana sastra dan sosiologi terhubung.

Mohamad Zubir bin Ismail (2017) Kajian ini melihat cara cerita boleh mengajar kita tentang mengurus sesuatu, seperti cara merancang dan memimpin. Kajian itu melihat lima cerita yang menghiburkan dan menganalisisnya untuk melihat bagaimana ia mengajar kita tentang pengurusan. Kajian mendapati bahawa cerita-cerita ini bagus untuk mengajar kita tentang prinsip pengurusan. Ini penting kerana kita boleh belajar daripada kisah ini bagaimana untuk menjadi pengurus dan pemimpin yang baik dalam kehidupan sebenar.

Lily Salwani binti Razali (2011) Kajian ini melihat bagaimana cerita yang diturunkan dari generasi ke generasi dapat memberikan pelajaran penting kepada anak-anak. Para peneliti ingin mengetahui pendapat anak-anak tentang cerita ini dan bagaimana mereka dapat belajar darinya. Mereka menggunakan cara belajar yang berbeda, seperti membaca cerita dengan cermat dan mengamati bagaimana reaksi anak-anak terhadapnya. Mereka menemukan bahwa cerita-cerita ini dapat mengajari anak-anak tentang bersikap baik, membuat pilihan yang baik, dan memahami cara kerja dunia. Anak-anak bisa menyukai atau tidak menyukai pelajaran ini, dan para peneliti mempelajari bagaimana perasaan mereka. Studi menunjukkan bahwa cerita-cerita ini tidak hanya untuk bersenang-senang, tetapi dapat memberikan pelajaran penting yang dapat membantu anak-anak dalam kehidupan mereka.

2.3.2 ARTIKEL JURNAL

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar dan Arba'ie Sujud menceritakan bahawa terdapat cerita yang baik untuk kanak-kanak yang berasal dari budaya yang dipanggil Melayu. Kisah-kisah ini mengajar pemikiran positif dan mempunyai idea bijak yang mudah difahami. Walaupun sudah tua, mereka masih mempunyai pelajaran yang bijak yang boleh membantu manusia pada hari ini. Orang yang membuat cerita ini benar-benar bijak dan mereka menemui cara untuk mengajar idea penting tanpa terlalu jelas. Apabila orang mendengar cerita ini, mereka mungkin mempunyai idea yang baik yang boleh mereka gunakan dalam kehidupan mereka sendiri. Cerita rakyat kanak-kanak ialah cerita yang telah diubah untuk memudahkan kanak-kanak memahami. Kisah-kisah ini telah lama wujud dan pada asalnya diceritakan oleh orang ramai untuk menghiburkan orang dewasa dan kanak-kanak. Dari masa ke masa, cerita-cerita ini telah berubah dan telah disesuaikan untuk dipadankan dengan dunia yang kita diami sekarang. Walaupun mereka pada asalnya tidak dimaksudkan hanya untuk kanak-kanak, banyak cerita ini telah menjadi popular dengan kanak-kanak. Seseorang bertanya-tanya sama ada cerita ini masih bagus untuk dibaca oleh kanak-kanak hari ini.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) memberitahu bahawa Cerita Rakyat Melayu merupakan satu perkara istimewa yang amat penting kepada masyarakat Melayu. Ia membantu mereka belajar tentang budaya, sejarah dan adat resam mereka. Ia juga mempunyai pelajaran penting tentang bersikap baik dan adil. Kajian ini melihat bagaimana kasih sayang dan keadilan ditunjukkan dalam cerita rakyat Melayu.

Para penyelidik menggunakan cara khas membaca dan menganalisis cerita. Mereka mendapati cerita rakyat Melayu penuh dengan mesej-mesej yang baik yang boleh mengajar manusia perkara-perkara penting. Cerita rakyat adalah sejenis cerita istimewa yang diturunkan dari generasi ke generasi oleh orang yang bercakap antara satu sama lain. Setiap orang boleh menambah idea mereka sendiri untuk menjadikan cerita lebih menarik. Kisah-kisah ini penting kerana ia mengajar kita nilai yang baik dan membantu kita menjadi orang yang lebih baik. Cerita rakyat Melayu amat menarik kerana mempunyai cerita unik dan menghiburkan yang mengajar kita cara hidup harmoni dan berjaya. Nilai yang baik adalah penting kerana ia membantu kita jujur dengan diri sendiri dan membuat pilihan yang baik.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015) Sejak sekian lama, cerita rakyat Melayu telah menjadi jenis penceritaan yang popular dan digemari oleh semua lapisan masyarakat. Walau bagaimanapun, dengan teknologi moden semakin popular, orang ramai tidak lagi menceritakan kisah ini. Kajian ini cuba mengembalikan kepentingan cerita rakyat Melayu kepada masyarakat Melayu, kerana cerita-cerita ini memberi pengajaran yang berharga. Kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan pengajaran tentang identiti diri yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu, dan menggunakan teori yang dipanggil ekologi budaya untuk membantu analisis ini. Malah pada hari ini, kisah-kisah ini dapat membantu masyarakat Melayu membina jati diri yang kukuh. Cerita rakyat adalah cerita yang diturunkan dari generasi ke generasi, dan ia dicipta oleh orang yang hidup sederhana dan ingin memberi nasihat dan memberi pengajaran kepada masyarakat mereka. Cerita rakyat Melayu bukan milik seorang, tetapi dimiliki oleh seluruh masyarakat, dan cerita-cerita ini mempunyai persamaan dengan cerita dari budaya yang lain. Kajian ini ingin menunjukkan bagaimana cerita rakyat Melayu

penuh dengan pengajaran tentang jati diri yang penting untuk dipelajari dan diingati oleh masyarakat Melayu.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) mengkaji cerita rakyat Melayu merupakan sejenis cerita masa lalu yang berasal dari masyarakat dan menceritakan tentang budaya dan sejarah mereka. Studi ini melihat pelajaran positif yang dapat kita pelajari dari kisah-kisah ini, seperti bersikap jujur dan apa adanya. Para peneliti melihat berbagai cerita rakyat dan menemukan bahwa kejujuran adalah nilai penting di dalamnya. Ini menunjukkan kepada kita bahwa orang Melayu di masa lalu percaya pada kejujuran untuk menjalani kehidupan yang baik.

Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) Cerita rakyat adalah jenis cerita yang menceritakan tentang kepercayaan dan tradisi suatu budaya. Itu telah diturunkan dari generasi ke generasi dan membantu kita memahami sejarah suatu bangsa. Meskipun teknologi dan pendidikan telah mengubah banyak hal, tetap penting untuk mengingat dan menghormati warisan budaya kita. Penelitian ini berfokus pada cerita rakyat masyarakat Melayu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan mencari unsur-unsur budaya yang masih dihargai dan dipraktikkan hingga saat ini. Kami menemukan bahwa tiga elemen budaya utama masih penting: kepercayaan, kedokteran, dan seni ekspresif. Membaca cerita rakyat dapat membantu anak belajar tentang budaya mereka dan menjadi pemikir yang lebih kreatif dan kritis.

2.3.3 BUKU/ MAJALAH/ AKHBAR

Menurut akhbar yang ditulis oleh Juffri Supa'at pada tahun 2022 berkongsi mengenai cerita rakyat. Kebanyakan kanak-kanak suka mendengar cerita tentang binatang kecil bernama Sang Kancil yang mengalahkan binatang yang lebih besar seperti harimau, ular, dan buaya. Kisah-kisah ini telah diturunkan dari orang tua ke orang muda untuk waktu yang lama. Mereka biasanya memulai dengan "Sekali waktu" dan diakhiri dengan nasihat yang baik. Kisah-kisah ini berasal dari budaya yang berbeda dan mengajari kita nilai-nilai yang baik dan bagaimana berperilaku. Perpustakaan Negara memiliki banyak buku dengan cerita seperti Sang Kancil dan tokoh populer lainnya. Kisah-kisah ini dinikmati oleh anak-anak dan orang dewasa.

2.4 KAJIAN LEPAS MENGENAI DASAR KEBUDAYAAN NEGARA

2.4.1 TESIS

Hirdawati binti Abdul Rahman (2017) Dasar Kebudayaan Kebangsaan di Malaysia ingin menyatukan orang-orang dari berbagai latar belakang. Itu dimulai pada tahun 1971 dan berlanjut hingga tahun 1990. Penting untuk memastikan bahwa yayasan bekerja dengan baik dan mencapai tujuannya. Terkadang sulit untuk memastikan semua orang setuju dan mengikuti nilai-nilai budaya yang sama. Para peneliti sedang mempelajari

yayasan untuk melihat apakah itu berhasil membantu orang bekerja sama. Mereka menggunakan berbagai sumber untuk membantu mereka memahami yayasan dan tujuannya. Mereka ingin memastikan bahwa yayasan bukan hanya solusi sementara untuk masalah, tetapi cara yang bertahan lama untuk membantu orang hidup dan bekerjasama.

2.4.2 ARTIKEL JURNAL

Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin (2011) Masyarakat majmuk bererti bahwa suatu negara memiliki banyak jenis orang yang berbeza, seperti orang-orang dengan ras dan agama yang berbeza. Keadaan ini biasa terjadi di negara-negara yang telah diambil alih oleh negara lain di masa lalu. Terkadang, orang mungkin merasa tidak cocok karena di mana mereka tinggal atau pekerjaan apa yang mereka miliki. Tetapi pemerintah berusaha menyatukan orang dan membuat semua orang merasa dilibatkan. Mereka mulai melakukan hal-hal seperti "rumah terbuka" selama liburan di mana orang dapat saling mengunjungi dan belajar tentang budaya yang berbeda. Meskipun terkadang ada masalah, penting untuk mencoba memahami dan menghormati perbedaan satu sama lain untuk membuat semua orang merasa saling memiliki.

Aziz Deraman (1978) pihak kerajaan ingin menciptakan budaya khusus untuk negara kita, tapi itu tidak mudah. Kami ingin budaya kami didasarkan pada budaya Melayu, tetapi kami juga dapat memasukkan hal-hal lain selama tidak bertentangan dengan keyakinan dasar kami. Kami pikir budaya kami harus menunjukkan kepribadian kami dan

menjadi sangat baik. Budaya rakyat dari negara kami sangat bagus sejak lama dan kami ingin semua orang menghormatinya. Mungkin butuh waktu lama untuk menyadarkan semua orang akan budaya kita, tapi itu mungkin jika kita semua bekerja sama. Kita membutuhkan budaya kita sendiri untuk menyatukan negara kita dan membuat hidup kita lebih baik. Sangat penting untuk mengembangkan budaya kita sehingga kita bisa bangga dengan negara kita dan menunjukkan kepada dunia siapa kita.

Shahidi A.H., Muhamad Syahmi Shabri, Rahim Aman, Rozmi Ismail dan Ab. Samad Kechot (2021) kajian ini mencoba untuk mengetahui seberapa baik masyarakat yang tinggal di pulau-pulau di Malaysia memahami budaya negara mereka. Mereka bertanya kepada 484 orang yang berusia antara 30 hingga 55 tahun dan tinggal di Labuan, Pulau Tioman, Pulau Redang, Pulau Pangkor, dan Pulau Langkawi. Sebagian besar orang yang mereka tanya sangat aktif dalam membantu negara mereka tumbuh. Mereka mengajukan pertanyaan kepada orang-orang tentang pemahaman mereka tentang budaya negara mereka. Mereka melihat jawabannya dan menemukan bahwa orang-orang di pulau itu memahami dan menerima budaya negara mereka. Mereka menemukan bahwa orang-orang di pulau menganggap penting untuk bangga dengan negara dan agama mereka. Studi ini penting karena membantu orang memahami bagaimana berbagai kelompok orang dapat berkumpul dan bergaul di Malaysia. Ini juga dapat membantu pemerintah mencari cara untuk menyatukan berbagai kelompok orang di masa depan.

2.4.3 BUKU/ MAJALAH/ AKHBAR

Menurut akhbar Bernama yang dikeluarkan pada tahun 2021 memaparkan akhbar yang bertajuk Dasar Kebudayaan Negara julang usaha martabat seni, budaya dan warisan di mana isu ini disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-9 pada ketika itu Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob. Rencana baru yang disebut DAKEN 2021 dibuat untuk membantu membuat keputusan tentang bagaimana menjadikan seni, budaya, dan sejarah lebih baik di negara kita. Seseorang penting bernama Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengatakan hal ini. Pemimpin negara ingin memulai sesuatu yang disebut DAKEN 2021 untuk membantu menjadikan seni, budaya, dan sejarah Malaysia lebih baik. Ini dapat membantu keluarga di Malaysia memiliki lebih banyak uang dan kehidupan yang lebih baik. Beliau berbicara tentang bagaimana Malaysia ingin menjadi negara yang sangat baik dengan orang-orang yang baik dan penuh hormat. Mereka ingin melakukannya dengan mengikuti lima aturan penting untuk keluarga: bersatu, bekerja sama, merasa bangga, terbuka, dan melibatkan semua orang. Kerajaan percaya bahwa DAKEN 2021 melakukan pekerjaan dengan sangat baik dan mereka sangat bangga akan hal itu. Seseorang meminta keluarga di Malaysia untuk membantu mendukung yayasan yang akan membantu menjaga keamanan bagian penting dari seni, budaya, dan sejarah mereka. Mereka ingin semua orang bekerja sama untuk memastikan hal-hal ini tidak hilang.

2.5 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, sorotan kajian lepas yang dilakukan secara mantap, intensif dan ekstensif akan membolehkan saya sebagai pengkaji memahami masalah kajian secara menyeluruh sama ada dari sudut teoretikalnya, demikian juga dari sudut persekitaran atau konteksnya. Sorotan yang mantap itu akan memudahkan proses pengkajian berikutnya dan mungkin juga akan memendekkan tempoh kajian kerana pengkaji telah mendapat gambaran yang jelas tentang sumber data, jenis data yang diperlukan, kaedah pengumpulan data yang paling sesuai serta dapat mengenalpasti subjek atau sampel yang dengan tepat. Pengkaji juga telah mempunyai kekuatan teori yang akan membantunya dalam proses mengolah dan menganalisis data yang terkumpul itu. Dalam kata lain bahawasanya pengkaji itu dapat mengetahui apa yang diperlukan dan bagaimana hendak melakukannya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Di dalam bab tiga bagi kajian ini, pengkaji menerangkan pengaplikasian kaedah-kaedah yang pengkaji gunakan sepanjang menjalankan kajian ini. Oleh itu, di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini merupakan satu proses pengumpulan data dengan menggunakan cerita-cerita sastera rakyat Pahang yang terkandung beberapa koleksi cerita rakyat. Setelah proses pengumpulan data tersebut diperoleh dengan tepat maka data yang diperolehi itu akan dianalisis dengan lebih menyeluruh. Selain itu, sembilan cerita dari buku *Sastera Rakyat Pahang* seperti *Ahmad Puetra dan Raja Singa*, *Anak Beruk membalas budi*, *Awang Berani*, *Dayang Siti Jalan*, *Kesetiaan Isteri*, *Puteri Geris*, *Puteri Patung Cendana*, *Raja Ahmad*

Bujuang dan *Raja Muda Ayam Jadian* telah dianalisis dengan berulang-ulang kali untuk memastikan bahawa semua nilai murni yang dikeluarkan dari cerita-cerita tersebut bersesuaian dan seterusnya dapat diaplikasikan dengan menggunakan konsep nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN). Antara cerita-cerita rakyat tersebut ialah kesemua koleksi cerita-cerita rakyat dari *Sastera Rakyat Pahang* yang telah dibukukan dan dianalisis mengikut kepada konsep sepuluh nilai bersama yang terdapat dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Sepuluh nilai bersama di dalam Dasar Kebudayaan Negara merangkumi nilai-nilai yang baik dan positif kepada manusia samada pada individu mahupun masyarakat seperti nilai kerohanian, nilai budi, nilai muafakat, nilai keilmuan ilmu, nilai kesaksamaan, nilai kesejahteraan, nilai kesetiaan, nilai kejujuran, nilai keindahan dan nilai kebersihan. Kesemua nilai yang disenaraikan ini bertujuan untuk menerapkan perkara-perkara yang baik kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Melalui *Sastera Rakyat Pahang* yang dikaji ini juga terdapat nilai-nilai baik yang ingin masyarakat terdahulu tonjolkan kepada orang ramai khususnya masyarakat melayu yang dikatakan masyarakat yang mementingkan kesopanan dan ketinggian akhlak dalam perbuatan mahupun dalam berbicara. Oleh yang demikian, penekanan terhadap kaedah-kaedah kajian ini begitu penting kepada pengkaji supaya segala maklumat dan data yang diperlukan dalam menjayakan kajian ini diperoleh dengan tepat dan jelas.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Ermie Dharlya (2011), reka bentuk kajian ini merupakan satu kajian yang merujuk kepada sebuah perancangan yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Berdasarkan pendekatan kajian yang sering digunakan oleh para pengkaji dalam menjalankan sesebuah kajian

adalah pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Di dalam kajian ini, satu penelitian terhadap reka bentuk kajian metodologi yang dijalankan ini adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif sahaja iaitu membuat peneliti terhadap teks untuk mendapatkan sebarang data dan maklumat yang diperlukan sepanjang menjalankan kajian. Di sini jelas bahawa kajian kualitatif ini tidak akan berfokus kepada angka tetapi lebih kepada data deskriptif. Keadaan ini menunjukkan bahawa pendekatan kualitatif ini adalah untuk mendapatkan sebarang maklumat dengan melihat kajian yang dilakukan ke atas teks dan dokumen. Maklumat dan data yang diperolehi ini adalah berdasarkan pembacaan pengkaji terhadap teks-teks yang penting untuk melaksanakan kajian.

Metodologi yang dipilih untuk kajian yang pengkaji jalankan ini akan diperincikan di dalam reka bentuk kajian, pengumpulan data dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data untuk diterangkan. Pertimbangan etika untuk kajian penyelidikan tertentu juga akan diperincikan adalah diharapkan metodologi yang dipilih dapat membantu pengkaji dalam menjana maklumat yang bernas dan berguna melalui pengumpulan dan analisis data mengenai tajuk kajian pengkaji iaitu konsep nilai bersama dalam *Sastera Rakyat Pahang*. Data yang pengkaji ingin keluaran adalah mengenai nilai yang terdapat dalam buku tersebut.

Oleh yang demikian, data yang diperolehi ini untuk mendapatkan beberapa maklumat penting supaya boleh digunakan di dalam kajian yang dijalankan ini agar dapat membantu pengkaji untuk mencuba memahami apa makna yang disampaikan melalui teks kajian tersebut. Pengkaji akan melakukan penelitian terhadap teks yang terpilih untuk memastikan bahawa pengkaji mendapatkan data dan maklumat yang betul dan cukup sehingga kajian pengkaji ini dapat difahami dengan baik dan sistematik. Di dalam kajian kualitatif ini kebiasaannya pengkaji akan melihat rujukan-rujukan dan buku-buku lama untuk memahami bagaimana nilai-nilai yang ada di dalam

cerita *Sastera Rakyat Pahang* dapat ditonjolkan kepada pembaca terutamanya dalam memahami konsep sepuluh (10) nilai bersama yang diterangkan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 untuk diaplikasikan dalam kajian ini.

3.2.1 DOKUMENTASI

Kaedah dokumentasi yang dijalankan ini, pengkaji menggunakan bahan-bahan bacaan yang mudah untuk pengkaji dapatkan sepanjang menjalankan kajian ini. Antara bahan bacaan yang digunakan dalam kajian ini adalah buku, jurnal, tesis, majalah dan sumber internet.

Dokumen ialah perkara yang boleh digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan sesuatu data. Ia boleh berupa benda bertulis, gambar, atau objek. Pengkaji akan menggunakan dokumen untuk membantu para pengkaji dalam memahami perkara yang ingin dikaji melalui bahan yang berupa teks. Kadangkala, maklumat dalam dokumen tidak mampu didapati dengan cara menonton mahu pun cara menemu ramah. Oleh yang demikian, pengkaji banyak memberi fokus kepada dokumen atau teks dengan melihat kepada dokumen-dokumen yang berkait dengan tajuk pengkaji. Selain itu juga pengkaji turut melihat dokumen yang tersedia ada untuk kegunaan orang ramai seperti buku, majalah, akhbar atau artikel jurnal sepanjang pengkaji menjalankan kajian agar di samping pengkaji melaksanakan kajian baru, pengkaji juga dapat mengisi kelompongan dalam kajian-kajian yang terdahulu.

3.3 CARA PENGUMPULAN DATA

3.3.1 KAEDAH KEPUSTAKAAN

Dalam penelitian ini, pengkaji akan melihat kepada penelitian yang menggunakan satu kaedah yang disebut dengan kaedah kepustakaan. Kaedah ini jelas menunjukkan bahawa pengkaji akan merujuk kepada teks-teks yang terdapat di dalam buku, jurnal, tesis dan dokumen-dokumen lain yang berkait dengan penelitian ke atas kajian yang dijalankan ini. Pengkaji juga melihat kajian lain yang hampir sama dengan kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan oleh para pengkaji sebelumnya. Secara tidak langsung, keadaan ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk memastikan kajian yang dijalankan ini akurat dan dapat membantu pengkaji untuk fokus pada penulisan yang baik serta tidak tersasar jauh daripada maklumat yang perlu ada di dalam kajian pengkaji. Dengan melakukan kaedah ini, pengkaji dapat menghindari kesalahan yang sama yang dilakukan pengkaji lain sebelumnya.

3.3.2 ANALISIS DOKUMEN

3.3.2.1 TEKS

Di dalam kajian teks ini, pengkaji telah menganalisis sembilan buah teks cerita rakyat daripada 15 buah teks cerita rakyat yang terdapat di dalam buku *Sastera Rakyat Pahang* yang dikaji ini iaitu cerita *Ahmad Putera dan Raja Singa*, *Anak Beruk membalas budi*, *Awang berani*, *Dayang Siti Jalan*, *Kesetiaan Isteri*, *Puteri Geris*, *Puteri Patung Cendana*, *Raja Ahmad bujang dan Raja Ahmad Ayam Jadian*. Selain itu juga, pengkaji turut membuat analisis teks terhadap cerita-cerita rakyat lain untuk dijadikan rujukan kepada pengkaji sepanjang melaksanakan kajian ini. Tambahan pula, terdapat seorang pengkaji lepas yang menulis tesis mengenai cerita rakyat turut menjadi bahan kepada pengkaji untuk menganalisis teks-teks yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut supaya dapat dijadikan panduan untuk pengkaji. Penulisan teks yang terdapat dalam cerita *Sastera Rakyat Pahang* ini dilihat terdapat banyak kata-kata puitis yang jarang digunakan oleh masyarakat masa kini. Pengkaji dapat melihat bahawa masyarakat masa kini dilihat sudah tidak gemar untuk bertutur dengan menggunakan bahasa-bahasa melayu klasik seperti yang digunakan di dalam teks cerita rakyat. Penggunaan bahasa melayu klasik ini seharusnya diguna pakai hingga ke hari ini kerana ia menunjukkan bahawa penggunaan kata-kata dalam teks tersebut lebih sopan dan sedap untuk didengar. Oleh yang demikian, pentingnya kepada pengkaji untuk membuat analisis teks terhadap kajian yang pengkaji jalankan ini agar pengkaji memahami dan dapat mengeluarkan nilai-nilai daripada cerita rakyat Pahang tersebut.

3.3.2.2 ARTIKEL JURNAL

Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan juga bahan-bahan ilmiah sebagai rujukan dalam melaksanakan kajian. Oleh itu, untuk menjalankan kajian ini pengkaji menggunakan bahan-bahan bacaan yang mudah untuk pengkaji dapatkan sepanjang menjalankan kajian ini. Antara bahan yang digunakan adalah jurnal dan tesis termasuk yang ada di dalam laman sesawang. Jurnal dan tesis yang digunakan oleh pengkaji kebanyakannya berkait rapat dengan tajuk kajian. Antaranya tesis yang berkait dengan cerita rakyat dan Dasar Kebudayaan Negara supaya dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Melalui kajian yang dijalankan ke atas artikel jurnal ini juga pengkaji dapat menggunakan cara yang berbeza untuk mengumpul maklumat.

3.4 DASAR KEBUDAYAAN NEGARA

3.4.1 PENGENALAN

Dasar Kebudayaan Negara 2021 yang dipanggil DAKEN telah membantu Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dengan rakyat yang berbudaya. Ia memberi tumpuan kepada tiga perkara utama: menjadi baik dan beretika, mengikut langkah yang betul, dan menjadi pintar. Ia juga mengajar kita untuk mempunyai nilai yang baik. Dasar ini penting

dan digunakan sebagai panduan untuk seni, budaya, dan warisan. Ia juga membantu kita mengetahui siapa kita sebagai sebuah negara dan membina sebuah negara yang kuat.

Dasar Kebudayaan Negara Malaysia ini terdiri daripada kepercayaan dan adat resam yang penting kepada masyarakat di negara ini. Ia membantu menyatukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan menjadikannya lebih kukuh. Kepercayaan dan adat resam ini berlandaskan kepada budaya masyarakat Malaysia, baik dari dahulu mahupun sekarang serta selaras dengan nilai agama mereka. Mereka positif dan boleh membantu kemajuan negara. Adalah penting untuk mempunyai dokumen yang membimbing perkembangan seni, budaya, dan warisan di Malaysia. Dokumen ini harus disokong oleh kerajaan untuk memastikan kepentingannya. Oleh itu terhasil sebuah dasar yang menggariskan pelbagai kepentingan dalam memastikan bahawa semua rakyat Malaysia dapat hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni serta saling menghormati agama dan budaya setiap orang.

Maka di dalam kajian ini pengkaji ingin menerapkan lapan nilai daripada sepuluh nilai yang digariskan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) ini ke dalam kajian pengkaji untuk dianalisis daripada cerita-cerita rakyat dari negeri Pahang khususnya. Antara lapan nilai tersebut adalah nilai kesetiaan, nilai budi, ketinggian ilmu, nilai kerohanian, nilai muafakat, nilai kesaksamaan, nilai kesejahteraan dan nilai kejujuran.

3.4.2 KAEDAH PENERAPAN TEORI


Di dalam kajian ini, pengkaji tidak menggunakan sebarang teori sama ada teori tempatan mahupun teori barat. Hal ini kerana bagi melaksanakan objektif kajian ini pengkaji telah memilih untuk mengeluarkan nilai-nilai yang ada dalam *Sastera Rakyat Pahang*. Keadaan ini menyebabkan pengkaji memilih untuk menggunakan Dasar Kebudayaan Negara 2021. Berdasarkan dasar tersebut pengkaji akan mengeluarkan lapan nilai daripada sepuluh nilai yang telah dinyatakan di dalam dasar tersebut dari teks kajian pengkaji. Berteraskan kepada budaya nilai tinggi Dasar Kebudayaan Negara 2021 ini telah mendukung tatacara, tatasusila dan tahap keintelektualan sebagai teras utama. Oleh itu, sepuluh nilai bersama yang menjadi pendukung kepada Budaya Nilai Tinggi telah diterapkan.

Tambahan lagi, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengupas nilai-nilai yang yang terdapat dalam teks cerita rakyat di dalam buku *Sastera Rakyat Pahang*. Teks ini jelas menunjukkan bahawa penulisan cerita tersebut merupakan gambaran masyarakat melayu terdahulu di samping menonjolkan elemen nilai-nilai baik yang mampu dijadikan teladan kepada semua pembaca malah sesuai untuk semua peringkat umur untuk membaca dan memahami cerita rakyat tersebut. Seperti yang semua ketahui bahawa masyarakat melayu merupakan sebuah masyarakat yang memiliki nilai leluhur, kesopanan yang tinggi, menjaga adab dalam semua aspek serta memiliki budaya yang cukup unik dan menarik untuk dikaji. Namun di dalam kajian ini pengkaji hanya akan fokuskan kepada nilai-nilai yang terdapat di dalam teks tersebut serta mengaitkan dengan sepuluh nilai yang ditekankan di dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021 ini. Oleh itu, Pengaplikasian konsep

sepuluh nilai bersama seperti nilai kesetiaan, nilai budi, ketinggian ilmu, nilai kerohanian, nilai muafakat, nilai kesaksamaan, nilai kesejahteraan, nilai kejujuran, nilai keindahan dan nilai kebersihan yang digariskan dalam Dasar Kebudayaan Negara digunakan sepanjang pengkaji menjalankan kajian kerana ia adalah bertepatan dengan objektif kajian ini.



3.4.3 KERANGKA TEORI



3.5 PENUTUP

Di dalam bab tiga ini, pengkaji menjelaskan dan menerangkan tentang bagaimana pengkaji menjawab persoalan-persoalan dalam kajian yang dijalankan ini supaya dapat mencapai segala objektif kajian. Sepanjang menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih cara khusus untuk melakukan kajian ini, seperti melihat analisis dokumen dan merujuk kepada sumber-sumber rujukan ilmiah di perpustakaan. Pengkaji juga melihat hasil kajian lain yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

Kajian ini mengkaji lapan buah nilai yang dinyatakan di dalam konsep sepuluh (10) nilai bersama antaranya nilai budi, nilai kerohanian, nilai muafakat, nilai keilmuan ilmu, nilai kesaksamaan, nilai kesejahteraan, nilai kesetiaan dan nilai kejujuran yang terkandung di dalam buku *Sastera Rakyat Pahang*. Pengkajian ini dilakukan kerana bertitik tolak dari permasalahan terhadap kajian-kajian terdahulu yang mengenal pasti wujudnya dua pendapat dan pandangan yang berbeza mengenai perkara tersebut. Terdapat satu pihak telah menyatakan bahawa cerita di dalam buku *Sastera Rakyat Pahang* merupakan bahan yang digunakan sebagai satu medium hiburan. Manakala pada satu pihak yang lain pula mengemukakan pendapat yang berbeza iaitu mereka berpendapat bahawa cerita rakyat dalam buku *sastera rakyat Pahang* sebagai bahan bacaan yang berfaedah serta mampu membentuk peribadi positif pembaca disamping menggambarkan kehidupan seharian masyarakat khalayaknya. Oleh yang demikian, tujuan pengkaji melakukan kajian ini supaya dapat menjelaskan kepada orang ramai mengenai kekeliruan tersebut. Maka itu pengkaji menggunakan sepuluh nilai bersama yang diketengahkan oleh pihak kerajaan dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021.

Akhir sekali, dalam usaha mencapai matlamat tersebut, kajian ini menerapkan konsep sepuluh nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Budaya nilai tinggi mendukung tatacara, tatasusila dan tahap keintelektualan sebagai teras utama. Sepuluh Nilai Bersama yang menjadi pendukung kepada Budaya Nilai Tinggi yang ditekankan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN). Antara sepuluh nilai tersebut adalah kesetiaan, budi, ketinggian ilmu, kerohanian, muafakat, kesaksamaan, kesejahteraan, kejujuran, keindahan dan kebersihan. Namun begitu, pengkaji tidak menggunakan keseluruhan daripada sepuluh nilai tersebut kerana nilai-nilai itu diambil berdasarkan nilai yang dapat diambil daripada sembilan buah teks cerita rakyat yang terpilih daripada cerita rakyat yang ada di dalam buku *Sastera Rakyat Pahang* iaitu cerita *Ahmad Putera Raja Singa*, *Anak beruk membalas budi*, *Awang berani*, *Dayang Siti Jalan*, *Kesetiaan isteri*, *Puteri Geris*, *Puteri Patung Cendana*, *Raja Ahmad Bujang* dan *Raja Muda Ayam jadian*.

BAB 4

HASIL DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini pengkaji melaporkan bahawa semua dapatan kajian yang disusun mengikut persoalan kajian. Sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bab satu sebelumnya, kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu mengkaji nilai dan hubungkait cerita *sastera rakyat Pahang* dengan Dasar Kebudayaan Negara dan mengenal pasti cara untuk memupuk generasi muda supaya kekalkan nilai yang terdapat dalam sastera rakyat Pahang. Bagi mencapai kedua-dua objektif kajian ini, pengkaji telah mengeluarkan nilai-nilai yang terdapat dalam sembilan buah cerita rakyat terpilih dalam buku *Sastera Rakyat Pahang*. Analisis yang pengkaji jalankan ini adalah berpaksikan kepada konsep sepuluh (10) nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) yang terdiri daripada nilai budi, nilai kerohanian, nilai muafakat, keilmuan ilmu, nilai kesaksamaan, nilai kesejahteraan, nilai kesetiaan, nilai kejujuran, nilai keindahan dan nilai kebersihan. Pemilihan Dasar Kebudayaan Negara ini bagi mencungkil sepuluh (10) nilai yang

disenaraikan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) yang terkandung di dalam cerita *Sastera Rakyat Pahang* dan seterusnya untuk bersama-sama mencapai salah satu matlamat Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) iaitu membentuk masyarakat yang mempunyai budaya nilai tinggi. Untuk merealisasikan matlamat tersebut, sepuluh (10) nilai bersama telah menjadi pendukung kepada kajian ini supaya pengkaji dapat menghubungkan perkaitan di antara cerita *Sastera Rakyat Pahang* bersama nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN). Tambahan pula, sikap suka membaca ini dilihat sudah luntur dalam diri masyarakat dan pendedahan kepada media sosial secara menyeluruh dalam kalangan generasi muda masa kini telah menyebabkan lahirnya masyarakat yang tidak mempunyai budaya nilai yang tinggi. Oleh yang demikian, pentingnya bagi pengkaji untuk mengenal pasti cara yang terbaik untuk memupuk generasi muda hari ini supaya mengekalkan nilai Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) yang pengkaji peroleh daripada cerita *Sastera Rakyat Pahang*.

4.2 Nilai dan hubungkait cerita *Sastera Rakyat Pahang* dengan DAKEN

Dalam keterujaan membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang maju seiring dengan modenisasi hari ini masih terdapat kelompongan-kelompongan nilai dan tata susila di dalam diri sesetengah masyarakat yang menyebabkan terhakisnya segala nilai dalam diri rakyat Malaysia sehingga dikatakan mampu memberi kesan kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat sendiri mahupun negara. Oleh yang demikian, terdapat banyak perkara yang perlu diberi fokus antaranya adalah mewujudkan perpaduan negara dengan cara mengamalkan nilai-nilai yang telah digariskan dalam Dasar Kebudayaan Negara 2021. Seiring dengan usaha negara dalam membantu mengukuhkan keharmonian rakyatnya yang berbilang kaum itu, setiap rakyat haruslah mengamalkan budaya nilai yang tinggi supaya dapat mencapai kelestarian dan pengukuhan budaya yang dimiliki oleh setiap bangsa di negara Malaysia. Tambahan pula, dalam mengejar arus permodenan dan pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara maju setiap rakyat harus mengamalkan budaya nilai tinggi dalam kalangan masyarakat secara menyeluruh agar keadaan lebih aman dan harmoni.

4.2.1 Nilai budi

Nilai ini merupakan satu titik ukur yang digunakan oleh masyarakat dalam menentukan perilaku seseorang individu sama ada rajin atau malas, tinggi atau rendah, lemah lembut atau kasar dan seumpamanya yang telah menjadi perbezaan serta perbandingan yang jelas ditonjolkan oleh setiap individu. Wujudnya perbezaan tersebut berdasarkan pada persekitaran mereka sendiri yang mampu mengubah atau membentuk sikap dan pegangan jati diri. Oleh yang demikian, setiap masyarakat mempunyai ukuran nilai mereka tersendiri mengikut kepada

perilaku dan pengalaman seseorang itu sepanjang menempuh kehidupan bermasyarakat. Nilai positif ini dapat dipupuk dalam diri setiap individu melalui pelbagai saluran antaranya melalui saluran keluarga dimana ibu bapa menjadi contoh dalam mendidik anak-anak suapaya dapat memastikan mereka didedahkan dengan nilai-nilai baik.

Secara amnya, budi ditafsirkan sebagai satu jasa atau pengorbanan yang dilakukan oleh seseorang demi membantu orang lain. Namun menurut Mustafa Haji Daud (1995), menjelaskan bahawa perkataan “budi” ini apabila ditambah dengan permulaan “ber” maka menjadi berbudi kemudian ditambah pulan dengan akhiran “man” maka menjadi budiman yang membawa maksud orang yang berbudi bahasa, bersopan santun dan kesungguhan dalam hidupnya. Secara kesimpulannya dapat dilihat bahawa budi ini merangkumi tindak-tanduk atau tingkah laku seseorang yang baik, sopan, santun, berakhlak terpuji dan memiliki perwatakan seperti seorang insan mulia serta mempunyai akal fikiran yang baik dan bijaksana. Budi yang baik ini juga secara tidak langsung dikatakan menjadi lambang kepada sikap manusia yang terpuji dengan perbuatan yang berakhlak serta mampu menyebarkan kebaikan kepada individu-individu yang lain.

4.2.1.1 Nilai budi dalam cerita *Anak Beruk Balas Budi*

Apabila telah hilang penat anak beruk pun berkata, “Mak Chu tinggallah sekejap. Aku hendak pergi cari buah-buah kayu. Kalau tidak apa yang hendak dimakan.” Chu menjawab, “Ialah. Janganlah lama sangat, aku takut.”

Setelah dibenarkan oleh Chu, maka pergilah anak beruk itu mencari buah-buah kayu. Maka, dapatlah ia

berjenis-jenis buah. Buah-buah itu dibawanya pulang dan diserahkan kepada Chu. Maka, makanlah Chu buah-buah yang dibawa oleh anak beruk itu. Begitulah caranya Chu hidup dengan anak beruk itu sehari-hari.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019; 44)

Petikan di atas menunjukkan terdapat nilai budi yang ingin ditonjolkan daripada cerita anak beruk balas budi melalui watak Chu dan anak beruk itu sendiri. Petikan perbualan tersebut memaparkan kepada pembaca bahawa anak beruk ini berusaha mencarikan Chu makanan demi kelangsungan hidup setelah Chu dihalau dari rumah oleh emaknya kerana Chu menggunakan wang hasil jualannya pada hari tersebut untuk membeli anak beruk itu daripada nenek tua. Anak beruk itu mencari buah-buah di hutan dan dibawa kepada Chu kerana Chu ditinggalkan oleh anak beruk di atas pokok yang dijadikan tempat untuk mereka berteduh kerana Chu tidak memiliki wang untuk menyara hidupnya apatah lagi mahu tinggal di rumah.

Berdasarkan petikan ini juga dapat kita lihat bahawa jika kita berbuat baik dengan orang tidak mustahil perkara tersebut berbalik kepada kita semula. Begitu juga dengan konsep manusia yang berbudi. Jika seseorang itu telah menolongnya saat dalam kesusahan maka suatu hari kemudian perkara tersebut akan dilakukan juga olehnya kepada orang disekelilingnya tanpa ada rasa keluh atau berkira. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka percaya bahawa berbuat baik dan berbudi pada manusia mahupun alam tidak sesekali merugikan. Malah di dalam

peribahasa Melayu ada menyatakan *berbudi pada tanah, tanah tidak tipu* yang membawa maksud hasil daripada usaha bercucuk tanam pasti berjaya. Walaupun tanah yang diusahakan itu hanya sekangkang kera namun jika manusia itu rajin mengusahakannya dengan bercucuk tanam maka hasilnya tidak pernah mengkhianatinya.

4.2.1.2 Nilai budi dalam cerita *Raja Ahmad Bujang*

Mendengarkan cakap Muhammad itu, maka merebaslah air mata ibunya sambil menangis sambil pula ia menyerahkan wang lima ratus rial seorang seraya berkata, “ayuhai sayang buah hati bonda, apabila anakanda sampai di negeri orang hendaklah anakanda berhati baik, jangan berkelakuan sombong dan ikut perkataan orang. Salah adik, abang menasihatkan dan jikalau salah abang, adik menasihatkan, jauhkanlah daripada bertengkar dan berbalah adik beradik. Hendaklah anakanda ingat akan nasihat bonda ini pada sebilang waktu.”

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 199)

Keratan petikan di atas ini merupakan dialog seorang ibu yang sedang menasihati anak-anaknya. Seperti yang dapat dilihat dalam norma masyarakat hari ini setiap wanita yang bergelar ibu akan sentiasa berusaha menjadikan anak-anak mereka yang terbaik dari segala aspek. Demikianlah juga watak bonda yang terdapat dalam cerita *Raja Ahmad bujang* yang mengetahui bahawa kedua-dua anak puteranya yang akan berangkat pergi meninggalkan beliau demi menyelamatkan diri mereka daripada ditangkap oleh ayah tiri mereka sendiri yang dikatakan pada ketika itu sedang mencari keberadaan mereka dua beradik.

Melalui petikan pesanan tersebut dapat kita lihat bahawa bonda mereka berpesan kepada putera-puteranya agar pandai membawa diri apabila berada di tempat orang. Sebagai contoh dalam pesanan tersebut dikatakan supaya tidak sombong, berbuat baik kepada semua dan dengar jika ada yang menasihati mereka. Situasi tersebut jelas menunjukkan kepada para pembaca supaya mengamalkan nilai-nilai baik dan sentiasa berbudi kepada orang ramai. Tambah lagi beberapa pesanan yang dititipkan oleh bonda kepada mereka iaitu saling nasihat menasihati antara satu sama lain demi kebaikan bersama tanpa ada sebarang pergaduhan atau perbalahan. Di sini jelas sekali menunjukkan bahawa terdapat penekanan terhadap nilai budi yang ingin penulis tonjolkan dalam karyanya melalui watak bonda dalam cerita tersebut.

4.2.2 Nilai Keilmuan ilmu

Di dalam agama Islam ada menekankan mengenai kepentingan ilmu ini kerana di dalam al-Quran dan hadis terdapat banyak memaparkan dalil-dalil yang berkaitan dengan ilmu dan orang-rang yang berilmu. Maka jelaslah di sini bahawa setiap umatnya dituntut agar sentiasa mencari dan menimba ilmu kerana ilmu ini sifatnya terlalu luas serta merangkumi pelbagai aspek dan sudut. Misalnya terdapat berbagai-bagai bidang ilmu yang boleh diterokai oleh setiap orang agar dapat

dituntut dan dipelajari dengan lebih mendalam. Antara bidang ilmu yang dapat diceburi adalah bidang falsafah, bahasa, mantik, matematik, astronomi, kimia, fizik, biologi, sains politik, sukan, kejuruteraan, perubatan dan banyak lagi. Bagi umat Islam pula terdapat satu lagi cabang ilmu di mana bidang ilmu ini memfokuskan kepada isu-isu keagamaan iaitu ilmu fardhu kifayah merangkum kepada ilmu akhirat atau ilmu fardhu ain. Bidang ini merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh semua umat Islam.

Di dalam mengejar arus kemajuan teknologi kini, masyarakat dituntut supaya menguasai ilmu dari pelbagai bidang terutamanya bidang-bidang baharu di mana fokus utamanya tertumpu kepada kemahiran dalam bidang teknologi dan pendigitalan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat tuntutan daripada zaman yang semakin berkembang telah menyebabkan masyarakat hari ini berusaha dengan lebih gigih dalam mempelajari segala ilmu baharu yang mampu menjamin kejayaan pada masa hadapan individu, masyarakat dan negara itu sendiri. Tambahan pula, jika sesebuah negara itu mengangkat tinggi nilai ilmu maka negara tersebut mampu melahirkan masyarakat-masyarakat yang hebat dan proaktif kerana golongan ini akan sentiasa bersedia dan mempunyai lebih banyak idea untuk disumbangkan ke dalam kehidupan mereka serta kepada negara. Oleh itu, jelas di sini bahawa menuntut ilmu ini amat penting dan sangat digalakkan kepada semua orang tanpa mengira umur, jantina, bangsa dan kaum.

4.2.2.1 Nilai keilmuan ilmu dalam cerita *Dayang Siti Jalan*

Hatta, maka tersebutlah pula cerita Malim Bongsu dan Malim Kecil di Tanjung Limau Manis. Apabila mereka telah besar, maka mereka pun diserahkan oleh Puteri Bongsu mengaji dengan Lebai Yusof di Tanjung Limau Perut. Mengajilah mereka berdua beradik itu dengan taatnya. Akan suara Malim Bongsu dan Malim Kecil itu amatlah merdunya. Maka amatlah sayang Lebai Yusof akan anak-anak muridnya itu.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 73)

Sudah menjadi satu kepentingan bagi masyarakat hari ini untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah apabila telah cukup umur. Perkara ini sebenarnya telah diamalkan oleh ibu bapa terdahulu di mana mereka akan menyuruh anak-anak mereka untuk keluar pergi menuntut ilmu. Sebagai contoh di dalam cerita *Dayang Siti Jalan* seorang ibu yang digelar Puteri Bongsu ini memiliki dua orang anak lelaki iaitu Malim Bongsu dan Malim Kecil yang tinggal di Tanjung Limau Manis. Setelah meningkat usia, Puteri Bongsu menghantar anak-anaknya untuk pergi ke Tanjung Limau Perut kerana di sana terdapat seorang guru ngaji yang bernama Lebai Yusof . Maka patuhlah kedua-dua anaknya Malim Bongsu dan Malim Kecil akan arahan emak mereka agar pergi mengaji dengan Lebai Yusof itu. Oleh kerana kedua-dua mereka memiliki suara yang lunak dan merdu maka berbanggalah Lebai Yusof dengan

mereka berdua sehingga membuatkan beliau jatuh sayang pada dua beradik itu yang merupakan anak muridnya.

Jelaslah di sini bahawa pentingnya ilmu itu sehinggakan setiap orang wajib keluar, berhijrah dan merantau demi mendapatkan ilmu daripada barisan tenaga pengajar. Di mana pada hari ini terlalu banyak pusat pengajian, sekolah malah tadika juga dibangunkan di merata tempat supaya pihak kerajaan dapat memastikan bahawa setiap orang mendapat pendidikan yang selayaknya sejak awal. Perkara ini telah termaktub dalam perlembagaan dan undang-undang Malaysia hari ini bahawasanya ibu bapa wajib menghantar anak-anak ke sekolah seawal usia tujuh tahun. Berbalik pada cerita *Dayang Siti Jalan* itu tadi walaupun pada ketika itu belum ditubuhkan bangunan-bangunan sekolah dan istitusi-institusi pengajian namun sudah menjadi tanggungjawab setiap ibu bapa untuk memberikan didikan yang sewajarnya kepada anak-anak. Hal ini, kerana ilmu itu sangat penting dalam mencorakkan kehidupan dan masa depan seseorang itu supaya menjadi lebih baik sekali gus dapat mengangkat darjat seseorang itu kerana tingginya nilai sesebuah ilmu itu. Jika dilihat pada watak Lebai Yusof itu yang dikatakan sangat menyayangi anak-anak muridnya itu kerana apa yang diajar oleh beliau kepada anak-anak itu mudah fahami dan diserap dengan lebih baik . Tuntasnya,

terbuktilah di sini bahawa orang berilmu ini akan disegani dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

4.2.2.2 Nilai keilmuan ilmu dalam cerita *Puteri Patung Cendana*

Hatta, apabila telah selesai mereka menjalankan segala kerja bagi faedah si mati, maka duduklah Raja Alang Sulong menjalankan pemerintahan negeri Pura Negara. Ia dibantu oleh adindanya Raja Bongsu Muda. Oleh kerana mereka berdua itu amat pandai menjalankan pekerjaan serta pula adil dan saksama, maka bertambah-tambahlah maju negeri itu. Hamba rakyat sekalian sentiasa di dalam kesukaan.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 176)

Bidang ilmu itu terlalu meluas sehingga sesiapa sahaja boleh mempelajarinya tanpa mengira usia, pangkat dan umur. Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat nilai ilmu yang terkandung dalam cerita *Puteri Patung Cendana*.

Memandangkan cerita ini mengisahkan mengenai seorang raja yang merupakan pemerintah negeri Pura Negara maka di sini terdapat unsur-unsur mengenai sistem pemerintahan. Untuk memerintah negara bukanlah satu hal yang mudah bahkan memerlukan ilmu yang tinggi agar pemerintah dapat memastikan bahawa negeri pemerintahannya itu dapat berjalan dengan lancar. Sebagai contoh dalam cerita *Puteri Patung Cendana* ini memaparkan kisah sebuah negeri yang diperintah oleh Raja Akhbar Alam yang memiliki dua

orang putera telah jatuh sakit lalu meninggal. Oleh yang demikian, mulahlah proses pemakaman Raja Akhbar Alam mengikut adat istiadat raja-raja Melayu. Pemerintahan negeri Pura Negara itu telah diambil oleh kedua-dua orang putera di mana Alang Sulong menjadi raja dalam negeri tersebut dan di bantu pula oleh adiknya Bongsu Muda. Kebijaksanaan dan kemahiran dalam bidang pentadbiran telah membantu mereka menjalankan sistem pemerintahan di negeri Pura Negara dengan baik, adil dan saksama. Secara tidak langsung keadaan ini telah menjadikan Pura Negara sebagai sebuah negeri yang maju dan rakyatnya dapat hidup dalam keadaan aman, harmoni dan bahagia.

Oleh yang demikian jelaslah di sini bahawa pentingnya ilmu itu pada setiap orang kerana hasilnya akan memberi kesan kepada individu itu sendiri, masyarakat bahkan negara. Sebagai mana yang ditonjolkan dalam cerita *Puteri Patung Cendana* ilmu dalam bidang pentadbiran juga penting supaya manusia dapat menguruskan negara mahupun negeri dengan lebih baik dan sistematik seperti yang ditonjolkan dalam watak Alang Sulong dan adiknya yang digambarkan bijak dalam menguruskan hal ehwal negara setelah kemangkatan ayahanda mereka. Jika seseorang pemerintah itu kurang mahir dalam hal ehwal pentadbiran ini secara tidak langsung akan menyebabkan negeri atau negara pemerintahannya mundur,

sentiasa bergolak dengan masalah dalaman dan luaran serta rakyatnya akan berpecah belah. Maka jelaslah di sini bahawa nilai ilmu itu sangat penting dan perlu diterapkan dalam diri setiap orang.

4.2.2.3 Nilai keilmuan ilmu dalam cerita *Raja Muda dengan Ayam Jadian*

Apabila tiba di hutan itu, maka To' Pawang pun membuka tanah. Kemudian, maka hamba rakyat pun menebas menebanglah. Stelah beberapa hari menebas menebang, maka habislah hutan di cerang mereka.

Semasa menganggang reba, maka berkerjalah hamba rakyat sekalian mendirikan sebuah balai peranginan cukup lengkap dengan alat-alatannya sekali.

Di dalam hal yang demikian, maka cukuplah keringnya reba di cerang itu. Tunas-tunas yang keluar dari tunggul-tunggul itu telah boleh dibuat pemanggang punai. Masa itu, maka cerang itu pun dibakarliah. Maka, amatlah baiknya reba itu dimakan api, hinggakan cerang itu jadi seolah-olah seperti sebuah padang, saujana mata memandang.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 265)

Seterusnya, nilai kelimuan ini bukan sahaja tertumpu dari segi akademik semata-mata yang memerlukan setiap orang untuk menghafal teori dan sebagainya akan tetapi nilai keilmuan ini juga boleh dinilai pada pengurusan dan kemahiran seseorang itu dalam menguruskan sesuatu hal. Menerusi petikan di atas menceritakan bahawa dalam menguruskan pertanian juga memerlukan ilmu yang

cukup agar hasil tanaman itu dapat tumbuh segar dan dapat menghasilkan buah-buahan, sayur-sayuran dan sumber makanan ruji masyarakat Melayu iaitu beras dengan secukupnya. Berdasarkan petikan di atas ini juga dapat dilihat bahawa watak To' Pawang itu menggambarkan sosok seseorang yang memiliki ilmu dalam bidang pertanian khususnya penanaman sawah padi. Sebagaimana rakyat jelata bertungkus lumus dan berganding bahu dalam menghasilkan sebuah tapak untuk dijadikan tempat pertanian sawah padi seperti yang diminta oleh Raja Muda yang menginginkan pertanian padi huma dijalankan di dalam negerinya.

Keadaan ini amatlah jelas bahawa ilmu itu sangat penting dan wajarlah bagi setiap orang untuk menuntutnya dengan lebih mendalam. Perkara ini dapat kita lihat dari cerita-cerita yang memaparkan kisah-kisah rakyat di mana setiap yang berlaku sepanjang kehidupan sejak dahulu sehingga kini memerlukan manusia yang berilmu untuk mengubahnya ke arah yang lebih baik di samping mengejar arus kemajuan yang bakal berlaku pada setiap tahun. Oleh kerana itu, manusia yang memiliki ilmu yang tinggi sering menjadi perhatian dan tumpuan masyarakat dan negara kerana dengan ilmu dan kemahiran yang mereka miliki itu dapat memberikan manfaat kepada masyarakat. Berbalik kepada kisah petikan itu, bidang pertanian bukanlah satu hal yang mudah dan

boleh dipandang rendah. Mengikut kepada pandangan generasi muda hari ini kebanyakan daripada mereka akan lebih mengagungkan ilmu-ilmu yang hanya tertumpu dalam bidang akademik, perubatan, kejuruteraan semata-mata kerana ilmu-ilmu tersebut adalah ilmu yang mendapat tempat di mata dunia hari ini sehingga dapat melayakkan mereka untuk berkhidmat di luar negara dengan ilmu dan kemahiran mereka itu.

4.2.3 Nilai Kesetiaan

Nilai kesetiaan ini membawa erti taat dan patuh kepada pelbagai perkara dan individu tidak kira sama ada dalam kelompok rakan sekerja, keluarga mahupun rakan-rakan. Perkara ini amat penting kerana disebalik kesetiaan terselit juga kepercayaan yang perlu dijaga tanpa mengkhianatinya dalam apa jua situasi termasuk juga apabila ia berkait dengan keselamatan dan kesejahteraan negara. Oleh yang demikian setiap orang harus memiliki sikap taat setia ini kerana melalui sikap ini dapat kita menyatu padukan rakyat. Memandangkan negara Malaysia ini terdiri daripada pelbagai jenis kaum, bangsa dan agama maka perkara ini amat memberi kesan terhadap kesejahteraan negara dimana asas yang paling penting adalah setiap orang mendapat jaminan hak masing-masing tanpa mengira kaum, agama, bangsa, warna kulit dan sebagainya. Oleh itu pentingnya bagi setiap individu supaya memiliki sikap setia agar segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak atasan didengari dan dipatuhi oleh semua rakyat demi kesejahteraan bersama.

Tambahan lagi, nilai kesetiaan ini jika dipupuk dalam diri setiap masyarakat ia mampu membentuk sebuah ikatan yang utuh dalam kalangan masyarakat tanpa melihat kepada perbezaan taraf sosial, agama, bangsa dan sebagainya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa dengan adanya nilai kesetiaan dalam diri seseorang individu maka secara tidak langsung akan lahir pula rasa percaya yang menjadi aspek penting kepada penentu bagi menjamin keselamatan negara sama ada dari segi keselamatan dalaman mahu pun keselamatan luaran. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam membentuk sebuah negara yang aman dan teguh setiap rakyat harus memiliki sikap taat setia terutamanya taat setia kepada raja-raja Melayu dan pihak kerajaan agar keadaan negara sentiasa aman, harmoni dan sejahtera serta rakyat juga dapat menikmati kehidupan yang tenang dan tidak berpecah belah.

4.2.3.1 Nilai Kesetiaan dalam cerita *Kesetiaan Isteri*

Apabila telah disahut oleh Maimun akan panggilannya itu, maka orang muda itu pun bertanya, “suami adik ke mana?”

Maimun pun menjawab, “suami saya pergi bekerja di kampung.”

Setelah mendengar jawapan Maimun itu, maka orang muda itu pun berkata, “ Tak usah! Tak usahlah adik ikut suami adik lagi. Dia orang bangsat macam itu tak padan dengan rupa adik. Tak padan dengan darjat adik anak seorang Tuan Sheikh. Dengan sebab itu naiklah kuda ini dan ikut saya. Boleh saya bawa adik lari.”

Maimun pun menjawab, “Minta ampunlah saya. Saya tidak boleh mengikut orang muda kerana suami saya ada. Sebab itusaya minta maaf.”. Maka orang muda itu pun menggertakkan kudanya lalu lari dari situ.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 121)

Berdasarkan petikan dialog di atas menggambarkan sikap setia seorang wanita bernama Maimun yang merupakan isteri sah kepada Muhammad telah didatangi oleh seorang pemuda. Pemuda tersebut hadir ke rumah mereka suami isteri untuk membawa Maimun lari daripada suaminya yang dikatakan tidak sepadan jika mahu dibandingkan dengan Maimun yang memiliki rupa paras yang cantik dan berasal daripada keturunan syeikh. Memandangkan pada ketika itu Muhammad suami Maimun sudah keluar untuk mencari nafkah demi menampung keperluan dan tanggungjawabnya kepada si isteri maka pemuda tersebut mengambil peluang dan kesempatan tersebut untuk mempengaruhi Maimun. Namun begitu, Maimun menolak ajakkan tersebut dengan baik dan tetap dengan pendiriannya untuk sentiasa ada serta memberi taat setia kepada suaminya tanpa memikirkan kata-kata yang dilontarkan oleh pemuda tersebut mengenai kelemahan dan kekurangan suaminya itu.

Sepanjang menjalani kehidupan berumah tangga, untuk menzahirkan suasana yang harmoni perlunya ada nilai kesetiaan sebagai salah satu faktor yang sangat fundamental dan harus dijaga. Dalam situasi petikan di atas ini jelas menunjukkan bahawa seseorang isteri harus bersikap berani dan teguh dalam menghadapi ancaman yang mungkin mampu menggugat keutuhan rumah tangganya. Oleh yang demikian jelaslah bahawa watak Maimun selaku isteri kepada Muhammad yang diuji dengan menikahi seorang lelaki yang tidak punya apa-apa jika mahu

dibandingkan dengan dirinya jika dilihat bagai langit dan bumi. Pengkarya cerita kesetiaan isteri ini berjaya menonjolkan sikap seorang isteri yang memiliki nilai kesetiaan yang tinggi kepada para pembaca untuk dicontohi dalam kehidupan sebenar.

4.2.3.2 Nilai Kesetiaan dalam cerita *Raja Ahmad Bujang*

Maka titah raja, “jikalau benar seperti cerita kamu itu, suruhlah orang muda itu datang berjumpa beta.”

Maka dengan tidak berlengah-lengah lagi lalu To’Siak pun keluar dari penghadapan lalu pulang ke surau tempat kediamannya. Apabila sampai, maka ia pun memanggil Ahmad serta berkata, “Ayuhai Ahmad! Raja bertitah kepada hamba memanggil tuan hamba datang menghadap baginda pada hari ini juga.”

Setelah mendapat perkhabaran yang dibawa oleh To’Siak itu, mak Ahmad pun bersiaplah. Apabila telah siap lalu ia pun mengambil ambongnya dan menyangkutnya ke bahu seraya turun dari surau itu berjalan menuju ke istana raja.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 217)

Kesetiaan kepada raja dan negara merupakan satu perkara yang tidak asing lagi bagi rakyat Malaysia khususnya. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara tersebut telah termaktub di dalam Rukun Negara yang jelas menunjukkan bahawa setiap rakyat perlu taat dan patuh dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak istana terutamanya apabila ia melibatkan barisan raja-raja Melayu. Di dalam pengurusan negara atau adat istiadat ini masyarakat harus menunjukkan sikap taat dan setia yang mendalam supaya dapat membina keutuhan dan kekuatan dalam kalangan masyarakat di

samping dapat melahirkan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan harmoni tanpa ada perbalahan atau rusuhan di dalam negara misalnya.

Mengenai petikan dialog yang terdapat dalam teks cerita *Raja Ahmad bujang* itu menunjukkan seorang To'Siak yang datang menghadap raja untuk memberitahu bahawa terdapat perkara yang ajaib berlaku di dalam surau kepunyaan raja iaitu To'Siak melihat kepala Ahmad pemuda yang singgah bermalam di surau tersebut bercahaya-cahaya. Oleh yang demikian raja memberi arahan kepada To'Siak supaya membawa pemuda tersebut datang menghadap baginda di istana lalu bergegaslah To'Siak menuju ke surau tersebut untuk dimaklumkan kepada Ahmad bahawa raja ingin berjumpa dengannya. Mendengar akan titah raja yang dibawa oleh To'Siak itu maka Ahmad pun segera menyiapkan diri untuk pergi ke istana menghadap raja. Di sini jelas menunjukkan bahawa terdapat nilai kesetiaan yang tinggi dalam diri masyarakat melayu yang begitu taat dengan arahan dan titah raja tanpa mengeluh atau membantah.

4.2.4 Nilai Kesaksamaan

Nilai kesaksamaan ini lebih kepada memberikan kesamarataan di mana semua pihak harus sedar bahawa semua orang mempunyai hak dan layak mendapatkan kesaksamaan. Memandangkan negara Malaysia ini terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama maka pihak kerajaan haruslah memainkan peranan penting dengan menjadi contoh kepada semua pihak supaya mengamalkan

nilai kesaksamaan dalam semua aspek kepada semua orang tanpa menilai kepada status sosial, bangsa, kaum dan agama seseorang itu. Kesaksamaan ini haruslah diamalkan supaya keadilan dapat dirasai dan diamalkan dalam kalangan masyarakat. Di dalam pepatah Melayu ada mengatakan berat sama dipikul, ringan sama dijinjing maka jelaslah di sini bahawa nilai kesamarataan ini perlu diterapkan dalam diri setiap orang. Hal ini amat penting demi mencapai perpaduan rakyat yang utuh kerana melalui perpaduan ini wujudnya kesaksamaan dan kesatuan yang mampu menyatukan rakyat Malaysia.

4.2.4.1 Nilai kesaksamaan dalam cerita Anak beruk membalas budi

Pekerjaan orang itu anak-beranak berkebun pisang. Apabila pisang-pisang itu telah tua pergilah anak dara itu berjual pisang ke pekan. Mereka pergi bergilir-gilir. Mula-mula long kemudian ngah dan seterusnya.

Wang yang diperolehi dibelikan beras, asam, garam dan sebagainya. Barang-barang itu dibawa pulang dan diserahkan kepada ibunya. Begitulah caranya anak-anak dara itu bekerja.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 43)

Berdasarkan petikan di atas secara tidak langsung telah memaparkan kepada masyarakat dan pembaca mengenai nilai kesaksamaan di mana di dalam sebuah kampung pinggir sungai itu terdapat sepasang suami isteri yang memiliki tujuh orang anak gadis yang muda remaja. Oleh kerana desakan hidup, sumber rezeki mereka adalah berkebun. Kebun mereka itu ditanam dengan pokok-pokok pisang. Setelah pokok itu menghasilkan buahnya, tujuh beradik ini akan bergilir-gilir keluar ke Pekan untuk

menjual pisang-pisang kepunyaan mereka. Setelah habis jualan itu, hasil jualan tersebut mereka gunakan untuk membeli barang-barang dapur seperti beras lalu dibawa pulang ke rumah sebagai bekalan makanan untuk mereka sekeluarga. Penggiliran yang dilakukan oleh tujuh beradik itu terselit nilai kesaksamaan yang cuba pihak kerajaan tekankan di dalam sepuluh (10) nilai bersama yang menjadi tunjang kepada Budaya Nilai Tinggi.

Nilai kesaksamaan ini penting dalam membantu kehidupan masyarakat hari ini dalam mengimbangi sosioekonomi mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kesaksamaan gender masih menjadi sebuah isu hangat yang diperkatakan dalam kalangan masyarakat hingga ke hari ini. Bahkan isu ini bukan sahaja berlaku di dalam negara Malaysia tetapi ia juga berlaku di kebanyakan negara. Jika dilihat pada sekitar tahun 90-an kaum wanita ini sering berdepan dengan isu diskriminasi gender iaitu tindakan yang tidak sama atau perbandingan diantara kaum wanita dan kaum lelaki sehingga mampu memberi kesan dan pengaruh dalam pengalaman hidup seseorang terutamanya dalam bidang pekerjaan. Misalnya, golongan wanita sering diletakkan dalam jawatan-jawatan yang rendah dan sering dikatakan tidak mampu untuk mengetuai sesebuah organisasi kerana mereka beranggapan bahawa wanita ini lemah dan kaum lelaki adalah pemimpin yang perlu memimpin dan mengetuai semua perkara. Keadaan

ini telah menyebabkan berlakunya kesaksamaan gender dalam kalangan masyarakat.

4.2.5 Nilai Muafakat

Nilai muafakat ini merujuk kepada satu keadaan atau situasi di mana setiap masyarakat daripada pelbagai golongan dan lapisan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama telah bekerjasama dalam mencapai sesuatu hasrat dan matlamat demi kebahagiaan bersama. Hal ini, kerana nilai muafakat ini penting untuk diterapkan dalam diri setiap masyarakat supaya dapat melahirkan sebuah masyarakat majmuk yang memiliki kata sepakat, saling bersatu dan saling bekerjasama dalam memupuk nilai-nilai penting yang dapat mendukung ke arah kemajuan pembangunan dan keamanan negara. Nilai muafakat ini mengajak masyarakat supaya setiap kaum itu saling menerima dan menghormati kepelbagaian budaya yang diamalkan oleh setiap bangsa dan etnik dan wujud dalam kalangan masyarakat sekeliling. Hal ini amat penting bagi masyarakat di Malaysia khususnya untuk menghargai keunikan budaya yang diamalkan oleh setiap bangsa dan etnik itu kerana perkara tersebut merupakan identiti mereka yang patut kita kenal dan hargai bersama-sama.

Di samping itu melalui penerapan nilai muafakat ini dapat membantu membina identiti negara. Tambahan pula seperti yang diketahui umum bahawa Malaysia merupakan sebuah negara majmuk di mana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik seperti kaum Melayu, Cina, India, Iban dan banyak lagi yang menduduki negara Malaysia ini. Oleh yang demikian jelaslah bahawa nilai

muafakat ini amat penting untuk diterapkan dalam diri setiap orang di Malaysia agar dapat mencapai permuafakatan sekali gus menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik, aman, harmoni dan sejahtera. Seterusnya, permuafakatan ini juga dapat membantu masyarakat memelihara keamanan dan kedamaian kerana melalui nilai muafakat ini masyarakat akan faham erti kesepakatan secara tidak langsung dapat meminimumkan segala masalah yang boleh menimbulkan pergaduhan dan ketegangan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, melalui nilai muafakat ini menjadi satu aspek penting di mana masyarakat dapat menikmati keharmonian dan kemajuan negara di dalam tempoh yang panjang kerana matlamat dapat dicapai bersama tanpa mengira perbezaan dari pelbagai aspek.

4.2.5.1 Nilai Muafakat dalam cerita *Awang Berani*

Setelah mendapat persetujuan Pak Berani suami isteri, maka pergilah Awang suami isteri mencari tempat hendak berkebun. Setelah mendapat tempat yang mereka berkenan, maka bekerjalah Awang menebas menebang. Apabila petang mereka pulang dan apabila pagi pergi pula. Lama-lama, maka siaplah suatu cerang. Setelah kering reba, maka cerang itu pun dibakar. Apabila telah sejuk abu, maka datanglah Pak berani suami isteri menolong anak menatu merekamenugal padi dan bercucuk tanam ubi keladi. Selain daripada itu, Pak Berani menolong Awang mendirikan sebuah rumah.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku

Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 59)

Petikan di atas memaparkan wujudnya nilai muafakat dalam ahli keluarga Pak Berani di mana menantunya, Awang berhasrat untuk keluar

dari rumah Pak Berani dan pindah ke sebuah kawasan bersama isteri. Hasrat mereka telah dipersetujui oleh Pak Berani lalu mereka pun mula mencari sebuah kawasan yang dapat mereka jadikan sebagai penempatan untuk mereka berdua. Maka setelah jumpa kawasan yang sesuai dan strategik, mereka pun mula aktiviti bergotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut seperti menebas dan menebang tumbuhan-tumbuhan yang terdapat di kawasan tersebut. Setelah berjaya dibersihkan mereka bersama-sama bermuafakat membantu menugal padi dan bercucuk tanam supaya Awang dan isterinya mempunyai hasil untuk bekalan makanan mereka. Di samping itu juga Pak Berani turut membantu Awang untuk mendirikan sebuah rumah agar anak dan menantunya mempunyai tempat untuk mereka berehat dan berteduh.

Nilai muafakat ini amat penting dipupuk dalam kelompok masyarakat hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mencapai kata sepakat bukanlah satu hal yang mudah jika tiada permuafakatan dalam sesebuah kelompok masyarakat. Tambahan pula negara Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Oleh itu demi mencapai kesejahteraan negara setiap rakyat harus mempunyai nilai muafakat yang tinggi dalam diri masing-masing. Perkara ini amatlah penting bagi sebuah negara yang sedang membangun untuk mencapai permuafakatan agar dapat menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah negara maju setanding dengan negara-negara luar. Seperti yang

dapat kita lihat di dalam cerita *Awang Berani* kesepakatan yang diamalkan dalam kalangan keluarga kecil mereka telah berjaya menyempurnakan sebuah kawasan penempatan buat Awang dan isterinya berteduh di samping mereka yang berusaha untuk memulakan kehidupan baru mereka dengan tinggal berasingan daripada ibu bapa mereka.

4.2.5.2 Nilai muafakat dalam cerita *Puteri Geris*

Setelah keluar dari penghadapan, maka hulubalang-hulubalang itu pun bersiaplah. Apabila telah siap maka mereka pun pergilah.

Ada yang berjalan kaki,

Ada yang berkuda.

Mereka pergi mencari ke segenap tempat,

Ada yang pergi ke belukar,

Ada yang pergi ke hutan,

Ada yang pergi ke bukit bukau,

Ada yang pergi ke tepi laut,

Ada yang pergi ke ulu-ulu sungai,

Ada yang pergi ke pulau-pulau,

Ada yang pergi ke teluk dan tanjung.

Pendek kata tiada tempat yang tidak dicari oleh mereka. Akan tetapi beberapadicari tiada dijumpai. Dengan sebab itu, mereka pun pulanglah, seorang lepas seorang. Mereka masuk menghadap da menyembahkan hal itu kepada saudagar Salda.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku

Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 146)

Petikan di atas menceritakan bahawa Saudagar Salda ini telah mengarahkan kepada hulubalang-hulubalangnya agar keluar mencari anak perempuannya yang hilang iaitu Puteri Geris. Puteri Geris ini yang dikatakan hilang ketika Puteri Geris bersiar-siar di kawasan penternakan

lembu milik ayahandanya itu. Ketika ketua pemburu datang untuk memburu haiwan di kawasan negeri Gunung Banjar, kesemua lembu tersebut lari bertempiaran untuk menyelamatkan diri daripada pemburu tersebut. Namun begitu, Puteri Geris yang tidak menyedari akan kehadiran ketua pemburu tersebut terpinga-pinga melihat gelagat lembu-lembu tersebut. Belum sempat untuk menyelamatkan diri, Puteri Geris telah diculik oleh ketua pemburu tersebut untuk dipersembahkan kepada rajanya. Setibanya mereka di negeri Rimba Melentang, ketua pemburu tersebut membawa Puteri Geris ke istana untuk menghadap Raja Ketapal Golok. Misi pencarian Puteri Geris diteruskan oleh pihak hulubalang sehingga ada yang mencari dengan berjalan kaki dan ada yang menunggang kuda untuk meneruskan pencarian Puteri Geris. Segala hutan belukar, sungai-sungai, bukit bukau dan pulau-pulau yang terdapat di negeri tersebut diredah oleh mereka. Namun semua hampa kerana tidak berjaya menemukan Puteri Geris. Persepakatan mereka yang telah membahagikan kawasan pada setiap hulubalang-hulubalang tersebut tidak berhasil kerana Puteri itu telah dibawa ke luar negeri. Maka keadaan ini menyukarkan hulubalang-hulubalang untuk menemukan puteri yang hilang itu.

Nilai muafakat ini amat penting untuk ditanam dalam diri setiap orang kerana dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat. Hal ini perlu ditekankan dalam kalangan generasi muda hari ini yang dilihat semakin kurang berinteraksi antara satu sama lain kerana

golongan ini lebih gemar menonjolkan diri di laman sosial. Memandangkan masyarakat hari ini dikatakan mempunyai lingkungan yang lebih meluas dengan adanya media sosial yang dapat membantu manusia berinteraksi di alam maya serta menambah kenalan dari seluruh pelusuk dunia. Keadaan ini secara tidak langsung telah meletakkan jurang dalam kalangan masyarakat setempat kerana masa yang diperuntukkan di laman media sosial lebih lama berbanding masa yang diluahkan dengan orang terdekat. Jelaslah di sini bahawa masyarakat muda hari ini perlu pupuk nilai muafakat dalam diri masing-masing agar timbulnya kesatuan yang utuh dalam kalangan mereka.

4.2.5.3 Nilai muafakat dalam cerita *Raja Muda Ayam jadian*

Hatta, pada keesokkan harinya, maka Dato' Menteri pun membawa hamba rakyat sekalian ke cerang. Apabila tiba di cerang, maka mereka pun menugallah. Yang laki-laki melubang dan yang perempuan membenih. Setelah cukup tiga hari, maka padi dan jagung yang ditugal itu pun camballah. Akan hal itu dipersembahkanlah kepada baginda Raja Muda. Pada keesokkan harinya, maka berangkatlah Raja Muda ke ladang itu. Amatlah sukacitanya baginda melihat padi dan jagung tumbuh hijau sekata seolah-olah seperti padang baharu dipedang!

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku
Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 266)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan proses menanam benih demi melaksanakan titah raja yang hendak miliki tanamannya sendiri. Sepanjang proses tersebut, memerlukan penglibatan yang ramai agar dapat

mempercepatkan proses penghasilan tapak pertanian seperti yang dititahkan oleh Raja Muda. Oleh yang demikian kata sepakat oleh orang ramai perlu didengar agar proses penghasilan tersebut berjalan dengan lancar dan selaras dengan kehendak raja mereka. Penglibatan tersebut merangkumi kedua-dua jantina iaitu kaum lelaki dan juga kaum wanita. Mereka bersepakat untuk mengagihkan tugas itu agar bersesuaian dengan kemampuan masing-masing. Maka itu, kaum lelaki telah ditugaskan untuk membuat lubang-lubang pada tanah tersebut manakala kaum wanita pula ditugaskan untuk menanam benih-benih yang ada pada lubang yang telah dikorek oleh kaum lelaki. Di sini jelas dapat kita simpulkan bahawa nilai muafakat ini menjurus kepada perkara positif di samping dapat memudahkan urusan orang ramai jika semua saling bersepakat membantu antara satu sama lain tanpa memikirkan perbezaan yang ada pada setiap orang.

Berbalik kepada kisah rakyat di negeri Tanjung Cempaka, mereka merupakan gambaran contoh yang baik kerana watak mereka itu berjaya menonjolkan nilai muafakat di mana nilai tersebut merupakan pendukung kepada budaya nilai tinggi seperti mana yang dihasratkan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat hari ini. Hal ini amat penting supaya masyarakat hari ini dapat seimbangkan kehidupan mereka terutamanya dalam kelompok sosial yang merangkumi semua pihak dan golongan. Tambahan pula negara Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri

daripada masyarakat majmuk yang menyebabkan sering berlakunya isu ketidaksamaan daripada pelbagai aspek dan sudut-sudut penting. Keadaan ini telah lama menjadi perbualan masyarakat hari ini yang sering merasakan terdapat jurang di dalam kelompok masyarakat kini. Justeru itu, perkara ini perlu diatasi dengan memupuk nilai muafakat dalam diri setiap orang agar dapat menyeimbangi sosio-ekonomi masyarakat di Malaysia.

4.2.6 Nilai Kesejahteraan

Di dalam konteks Dasar Kebudayaan Negara ini nilai kesejahteraan telah meliputi segala aspek-aspek penting di mana nilai kesejahteraan ini dikatakan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan dari segi rohani, fizikal, emosi dan sosial sesebuah masyarakat. Antara perkara penting dalam memastikan bahawa wujudnya kesejahteraan hidup dalam kalangan sesebuah masyarakat adalah mereka mampu memberikan keseimbangan hidup mereka dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap individu itu mempunyai tanggungjawab dan komitmen masing-masing yang harus diberikan perhatian seperti kerja, keluarga, hutang dan tanggungan. Oleh itu pentingnya untuk setiap orang mencapai tahap keseimbangan hidup yang baik supaya dapat memastikan seseorang individu itu dapat menikmati kehidupannya dengan lebih baik, harmoni dan sejahtera. Tambahan pula, nilai kesejahteraan ini juga merangkumi kesejahteraan dari segi emosi dan mental seseorang maka penting bagi setiap orang untuk kekal sihat dari pelbagai aspek supaya kesejahteraan itu dapat dicapai dalam peringkat individu mahupun peringkat masyarakat.

Selain itu juga kesejahteraan yang ditekankan dalam DAKEN turut merangkumi kesejahteraan dari aspek ekonomi. Di sini jelas menunjukkan bahawa masyarakat haruslah bijak dalam berbelanja di samping hasrat rakyat yang ingin menyokong peningkatan dan pembangunan ekonomi negara agar lebih inklusif serta dapat memberikan manfaat kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira kepada status sosial. Perkara ini secara tidak langsung telah termasuk dalam langkah-langkah bagi pengurangan situasi di mana terdapat jurang sosial dan ekonomi. Situasi ini perlu dikurangkan supaya masyarakat di Malaysia dapat mencapai kesejahteraan hidup. Kebebasan bersuara dan tuntutan keadilan juga antara perkara yang penting dan diberi fokus untuk mencapai kesejahteraan hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara tersebut mencakupi hak-hak asasi manusia yang memerlukan keadilan dan kesaksamaan di samping ingin suara-suara rakyat khususnya didengar oleh pihak-pihak berwajib agar negara Malaysia dapat mencapai kesejahteraan.

4.2.6.1 Nilai kesejahteraan dalam cerita *Ahmad Putera dengan Raja Singa*

Raja yang memerintah negeri Cempaka Sari itu bernama To'Raja Besar. Baginda itu terlalulah amat adil memerintah, oleh hal yang demikian, maka hamba rakyat sekalian terlalulah kasih sayang kepada baginda. Dagang senteri ramai masuk berniaga, hinggakan penuh sesaklah pekan pesara dengan saudagar-saudagar yang masuk berniaga. Barang dagangan tiadalah terkira lagi akan banyaknya.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 04)

Berdasarkan petikan di atas terdapat nilai kesejahteraan yang dapat dikupas daripada cerita Ahmad Putera dan Raja Singa. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa rakyat yang tinggal di dalam negeri Cempaka Sari yang di perintah oleh To' Raja Besar itu mengamalkan nilai kesejahteraan dalam diri mereka sehingga negeri itu menjadi sebuah negeri yang besar, rakyatnya hidup dalam keadaan aman dan harmoni serta seluruh kehidupan seperti haiwan dan tumbuhan membiak dengan sangat banyak. Hal ini kerana To' Raja Besar merupakan seorang raja yang memerintah negerinya dengan sangat adil dan saksama. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjadikan negeri Cempaka Sari sebagai sebuah negeri yang hebat dan maju sehingga mampu menarik ramai pedagang luar untuk datang berdagang di negeri tersebut.

Setiap rakyat mengidamkan negara atau negeri yang memiliki suasana yang tenang, aman dan harmoni di mana keadaan ini dapat menjamin kesejahteraan rakyat. Oleh yang demikian setiap golongan haruslah memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan sebaiknya kerana untuk mencapai kesejahteraan ini memerlukan kerjasama dari semua pihak supaya jika berlaku sebarang isu atau masalah, perkara tersebut dapat diselesaikan dan ditangani dengan baik tanpa menimbulkan pergaduhan dan perbalahan. Sebagai contoh, di dalam cerita *Raja Ahmad dengan Raja Singa*, watak To' Raja Besar yang merupakan seorang raja yang adil dalam pemerintahannya. Maka itu negeri Cempaka Sari

digambarkan sebagai sebuah negeri yang maju sekaligus dapat mencapai kesejahteraan dalam kalangan masyarakat mahupun pemerintah.

4.2.6.2 Nilai Kesejahteraan dalam cerita *Raja Ahmad Bujang*

Setelah semuanya berkumpul, maka berkatalah Ahmad, “Ayuhai nakhoda dan saudara-saudaraku sekalian! Pada hari ini berlayarlah kita ke negeri masing-masing. Aku sendiri akan meninggalkan kapal ini dan berjalan di atas muka laut. Jika sekiranya saudara-saudara hendak berjumpa dengan aku sebutlah namaku iaitu Raja Ahmad Bujang. Tetapi sebelum aku turun dari kapal ini berharaplah aku kepada saudara-saudara sekalian supaya menjauhkan diri saudara-saudara daripada menjadi perompak lagi, kerana pekerjaan merompak itu tiadalah memberi faedah jua.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 212)

Kesejahteraan adalah kunci kepada kebahagiaan rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana kesejahteraan ini dikatakan merangkumi segala aspek seperti kebebasan suara rakyat, jaringan keselamatan sosial dan keadilan semua rakyat tanpa melihat kepada status sosial. Petikan di atas menunjukkan bahawa terkandung nilai kesejahteraan seperti yang dipamerkan dalam watak Ahmad di mana Ahmad berpesan-pesan kepada semua masyarakat yang ada dalam kapal rompakan bersamanya ketika itu untuk bertingkah baik dan meninggalkan aktiviti rompakan yang tidak memberikan sebarang manfaat kepada mereka semua. Di sini jelaslah menunjukkan bahawa Ahmad tidak ingin berlaku lagi perkara-perkara yang boleh mengundang kepada berlakunya pergaduhan, peperangan dan salah

faham dalam kalangan masyarakat. Demi mewujudkan persekitaran yang sejahtera maka Ahmad menggalakkan masyarakat tersebut untuk pulang ke tempat masing-masing dan mulakan kehidupan mereka dengan lebih baik. Keadaan ini supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang kaya dengan nilai dan moral agar dapat melahirkan masyarakat sejahtera dan terus berkembang maju demi masa depan negara.

Berdasarkan kajian yang pernah dijalankan pada tahun 2020, hasil keputusan menunjukkan kadar indeks kesejahteraan dalam kalangan rakyat Malaysia berlaku peningkatan sebanyak 0.8 peratus pada tahun 2018 iaitu jumlah keseluruhan menjadi sebanyak 122.4 mata. Oleh yang demikian, setiap orang harus memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap rakyat di Malaysia ini berada dalam suasana yang aman, harmoni dan sejahtera. Pihak Kerajaan perlu memainkan peranan penting agar masalah-masalah atau isu-isu yang berbangkit dapat diselesaikan dengan cepat dan lebih baik. Sebagai contoh, antara isu utama yang sering meniti di bibir masyarakat adalah isu mengenai kos sara hidup yang meningkat sehingga menjejaskan kehidupan rakyat terutamanya bagi masyarakat yang hidupnya seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Jika dilihat pada laporan yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2018 oleh pihak Jabatan Perangkaan menunjukkan


bahawa jumlah pekerja yang menerima gaji telah meningkat daripada 8.7 juta kepada 8.8 juta orang dari tahun 2017 ke 2018.

4.2.7 Nilai Kerohanian

Imam Al-Ghazali telah memperjelaskan makna qalb yang telah terbahagi kepada dua iaitu dari segi material dan dari segi spiritual. Maka spiritual yang dimaksudkan di sini adalah perkara yang menyentuh kepada kerohanian. Umumnya mengetahui bahawa kerohanian ini merupakan perkara yang berkait rapat dengan isu keagamaan. Namun begitu, jika dihayati dengan lebih mendalam dan meluas kerohanian ini sebenarnya tidak tertumpu kepada agama semata-mata akan tetapi kerohanian ini juga boleh dikaitkan dengan kehidupan, kejiwaan, isu moral dan metafizik. Perkara yang dikaitkan dengan metafizik itu adalah mengenai perkara-perkara yang dikatakan wujud dan ia mengenai hakikat di sebalik hukum alam yang nyata. Sebagai contoh yang dapat diambil seperti hakikat ketuhanan, hakikat alam roh, hakikat alam dan hakikat manusia itu sendiri.

Spiritual yang juga disebut rohani atau kerohanian ini merupakan kesepaduan di antara elemen suci dan kudus. Unsur ini jelas menunjukkan bahawa ia juga berkait dengan hati bahkan hati ini dikatakan unsur penting dalam diri seseorang individu yang dikatakan mampu mempengaruhi tindakan, perwatakan dan personaliti individu tersebut. Berdasarkan rajah di bawah dapat dilihat pada model kerohanian Al-Ghazali ada menekankan aspek-aspek dalaman yang berkait hingga

dikatakan dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang sama ada ia menjurus kepada tingkah laku yang positif atau negatif.



Rajah 1.

4.2.7.1 Nilai kerohanian dalam cerita *Ahmad Putera dengan Raja Singa*

Melihatkan Raja Singa membawa beras, asam garam, ikan jukut itu, maka berkatalah Puteri Bongsu, “Ya anakanda janganlah nek gading bonda pergi ke negeri orang dan mengambil barang-barang seperti ini. Nek gading tak boleh mengambil hak harta orang kerana perbuatan demikian menjadikan kemarahan orang.”

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 17)

Berdasarkan petikan daripada cerita Ahmad Putera dengan Raja Singa di atas terselit nilai kerohanian yang ditonjolkan melalui watak Puteri Bongsu iaitu ibu kepada Ahmad Putera dan Raja Singa. Oleh kerana difitnah oleh ahli nujum bahawa anak yang berada dalam kandungan Puteri Bongsu itu merupakan anak-anak yang membawa malang maka dititah oleh To' Raja Besar kepada hulubalang-hulubalang supaya membawa

Puteri Bongsu dan anak-anaknya ke hutan dan membunuh mereka kerana dikatakan mereka ini membawa malang kepada negeri tersebut. Namun keadaan berubah apabila terdapat seorang hulubalang yang tidak mempercayai ahli nujum tersebut. Oleh yang demikian, hiduplah Puteri Bongsu bersama anak-anaknya di dalam hutan. Apabila meningkat dewasa, Raja Singa mengambil alih tugas ibunya untuk mencari makanan demi kelangsungan hidup mereka. Oleh itu, berpesanlah seorang ibu kepada anaknya dalam usaha mencari makanan agar tidak menimbulkan kemarahan orang ramai dengan cara mengambil hak orang lain tanpa pengetahuan.

Keadaan tersebut jelas menunjukkan bahawa penulis ingin menyampaikan kepada para pembaca supaya mendidik hati ke arah yang lebih baik. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kajian secara saintifik atau dalam bidang perubatan hati ini merupakan satu organ manusia yang memproseskan pengedaran sel-sel darah ke seluruh tubuh badan manusia manakala melalui pandangan di sudut kerohanian pula hati ini merupakan satu tujang utama yang mengawal tindakan manusia. Namun untuk mendapatkan hasil tindakan yang lebih baik atau positif, manusia juga memerlukan akal yang berperanan untuk berfikir sama ada tindakan tersebut memberikan kesan yang baik atau buruk kepada diri sendiri, masyarakat, alam dan negara.

4.2.7.2 Nilai Kerohanian dalam cerita *Raja Ahmad Bujang*

Pada suatu hari, saudagar itu memanggil isterinya dan juga kedua-dua anaknya datang kepadanya. Maka saudagar itu pun berkatalah, “wahai buah hati kekanda, jikalau kakanda mati hendaklah anak-anak kita ini diserahkan mengaji secukupnya.”

Mendengarkan cakap suaminya itu, isterinya pun berkata pula, “wahai kakanda mengapakah kakanda berkata begitu?” maka jawab saudagar itu, “Bukan begitu wahai adindaku, mana tahu kerana kudrat Allah ke atas kita tiada dapat kita mengetahuinya.” Setelah berkata demikian lalu ia berkata kepada anak-anaknya, “wahai buah hati ayahanda, anakanda sekarang sudah besar, jadi bolehlah pergi mengaji di umah tuan guru yang dekat dengan rumah kita ini.”

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 190)

Nilai kerohanian yang dikupas dari cerita Raja Ahmad Bujang ini memaparkan kisah seorang saudagar yang dilihat memiliki nilai kerohanian dalam diri. Keadaan ini jelas dapat dilihat melalui petikan di atas bahawa saudagar ini berpesan-pesan kepada anak-anaknya untuk pergi menuntut ilmu kerana pada beliau sudah tiba masanya untuk anak-anaknya keluar menuntut ilmu. Malah saudagar tersebut turut meninggalkan pesan kepada isterinya jika umur beliau tidak panjang arahkanlah kepada anak-anak supaya keluar mengaji untuk mendapatkan ilmu yang secukupnya.

Menuntut ilmu merupakan satu perkara yang merujuk kepada psikologi rohani bagi seseorang individu tersebut. Secara ringkasnya psikologi rohani ini merupakan satu aspek penentu yang dapat menzahirkan keindahan dalaman seseorang individu. Jika dalam bentuk

fizikal ini keindahan itu jelas dapat dilihat pada rupa paras yang cantik akan tetapi keindahan dalam bentuk rohani ini dilihat daripada tindak tanduk dan perilaku seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kedua-dua aspek tersebut akan wujudnya keindahan yang dapat dilihat melalui perlakuan yang baik, bersopan santun, memiliki tata tertib dan seterusnya berilmu.

4.2.7.3 Nilai Kerohanian dalam cerita *Kesetiaan Isteri*

Pada keesokan harinya, maka Tuan Syeikh pun mengajar ilmu agama kepada menantunya. Maka mengajilah Muhammad siang dan malam. Masa sembahyang mereka sembahyang berjemaah. Di dalam hal yang demikian maka bertambah-tambah taatlah Muhammad. Sudah sudahnya Muhammad jadi seorang alim. Perhatikan kebolehan menantunya itu, maka Tuan Syeikh pun menjadikan Muhammad sebagai guru agama. Dari masa itu, maka duduklah Muhammad sebagai guru agama. Dari masa itu, maka duduklah Muhammad mengajar murid-murid bapa mertuanya. Disebabkan dia pandai mengajar serta pula elok tingkah lakunya, maka bertambah-tambah ramailah orang datang menuntut di situ. Dari masa itu, maka senanglah kehidupan Muhammad suami isteri, sehingga habis hayat mereka.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 124)

Berdasarkan petikan diatas jelas menunjukkan terdapat penerapan nilai kerohanian dalam watak Muhammad yang berusaha dalam mendalami ilmu agama dengan bapa mertuanya iaitu Tuan Syeikh, sentiasa melaksanakan solat secara berjemaah serta mengaji pada waktu siang dan malam. Nilai kerohanian yang diterapkan dalam diri Muhammad secara tidak langsung telah membentuk peribadi Muhammad yang lebih baik

sehingga mampu menarik perhatian orang ramai untuk menimba ilmu dengan Muhammad. Jika dibaca pada awal cerita, watak Muhammad adalah watak seorang pencuri yang sering mencuri barang orang dan menipu orang ramai demi mendapatkan duit untuk kelangsungan hidup Muhammad bersama rakan-rakannya.

Maka jelaslah di sini bahawa kerohanian ini mampu mempengaruhi segala tindakan dan personaliti seseorang itu ke arah yang lebih baik jika persekitaran seseorang individu itu membawa aura yang baik dan positif. Oleh yang demikian, nilai kerohanian ini patut diamalkan oleh setiap golongan peringkat umur sama ada yang tua mahupun yang lebih muda. Keadaan ini penting supaya masyarakat di negara Malaysia ini dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Sikap-sikap yang positif seperti yang ditonjolkan melalui watak Muhammad dalam cerita *Kesetiaan isteri* itu haruslah dicontohi dan dihayati agar setiap individu jelas dan faham akan konsep kerohanian yang bukan sekadar tertumpu kepada keagamaan semata-mata akan tetapi ia juga memberi tumpuan kepada pembentukan jati diri manusia untuk menjadi lebih baik.

4.2.8 Nilai Kejujuran/ Tulus ikhlas

Kejujuran merupakan satu tindakan positif yang ditonjolkan oleh seseorang individu yang memiliki rasa untuk berkata benar dalam setiap perkara, sentiasa amanah dalam tanggungjawabnya dan sentiasa ikhlas dalam mencurahkan tenaga

serta bantuan kepada orang ramai tanpa mengungkit. Bahkan di dalam agama islam sendiri ada menekankan isu kejujuran ini. Jika dilihat di dalam Al-quran itu sendiri terkandung istilah arab iaitu *siddiq* yang bermaksud jujur diulang-ulang dalam ayat suci Al-quran.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar,"

(QS. Al-Ahzab, 46: 70)

Berdasarkan petikan surah Al Ahzab ini jelas menunjukkan kepada semua muslimin dan muslimat yang membaca dan memahaminya bahawa sikap takwa itu dapat memberi cerminan kepada ekspresi dalaman atau batin seseorang yang beriman tambah lagi jujur dalam berkata-kata pula merupakan ekspresi luaran yang disampaikan secara zahir bagi menunjukkan keimanan seseorang. Jadi jelaslah bahawa islam menuntut umat-umatnya untuk sentiasa bertindak dan berkata-kata secara jujur. Hal ini dikatakan demikian kerana kejujuran itu merupakan pantulan daripada keimanan seseorang. Malah jika seseorang itu berpegang pada agama namun tidak bersikap jujur maka keimanannya pada agama tidak teguh dan penipuan semata-mata. Oleh itu, seseorang yang jujur dalam berkata-kata tidak akan pernah takut akan tetapi mereka akan lebih kehadapan kerana berani dengan apa yang diperkatakan itu.

4.2.8.1 Nilai Kejujuran dalam cerita *Ahmad Putera dengan Raja Singa*

Apabila didengar oleh Ismara Dewa lalu ia pun berkata, “Ceh celaka sungguh rupanya Puteri Bongsu.” Sejurus kemudian ia menambah kata, “Beginilah To’ Nujum, apabila mu diperintahkan oleh ayahanda beta To’ Raja Besar menujum mu katakanlah kanak-kanak yang di dalam perut Puteri Bongsu itu sangat celaka dan jika di simpan di dalam negeri ini tidak dapat tiada negeri ini akan,

Karam tidak dengan air,
Hangus tidak dengan api,

disebabkan kerana kakanya binatang dan adiknya manusia. Itulah jadi celaka yang besar sekali yang akan membinasakan negeri ini. Kerana bakti mu kepada aku menyembah demikian kepada ayahanda ku, maka inilah hadiah aku kepadamu dan adik-adik mu nujum yang enam iaitu emas sebokor dan perak sebokor.” Lalu ia menyerahkan barang-barang itu kepada Nujum Sulong.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku
Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 8)

Berdasarkan petikan diatas menunjukkan sikap segelintir manusia yang tidak mempunyai nilai kejujuran dalam diri. Situasi ini berlaku akibat daripada rasa ketidakpuasan hati yang dirasai oleh Ismara Dewa anak lelaki sulung kepada To’ Raja Besar iaitu seorang raja di negeri Cempaka Sari. Memandangkan usianya yang kian lanjut menyebabkan To’ Raja Besar ingin menabalkan anaknya jawatan yang disandangnya itu. Oleh kerana ingin membuat keputusan yang tepat, To’ Raja Besar telah menjemput nujum ketujuh untuk menghadap baginda dan menilik akan nasib anaknya yang ada dalam kandungan Puteri Bongsu. Mendengarkan titah tersebut telah menyebabkan Ismara Dewa mengambil keputusan untuk bertemu dengan nujum ketujuh sebelum mereka dipanggil oleh ayahandanya. Oleh kerana anak di

dalam kandungan itu membawa tuah maka diarahkan oleh Ismara Dewa kepada nujum ketujuh supaya memaklumkan kepada ayahandanya bahawa anak di dalam kandungan itu akan membawa malang dan akan menghancurkan negeri mereka.

Di sini jelas dapat dilihat bahawa manusia sanggup menipu demi keseronokkan dan keuntungan diri sendiri tanpa berfikir dengan lebih panjang akan kesan daripada penipuan mereka pada masa akan datang. Penipuan dan ketidakjujuran ini sentiasa berlaku dalam kalangan masyarakat malah sejak daripada zaman pemerintahan Artuqiah iaitu sebuah kerajaan Abbasiyah di mana sekarang merupakan Turki Selatan. Terdapat Al-Jawbari merupakan seorang penulis yang menulis kitab mengenai perkara ghaib, mistik dan tersembunyi sehingga mendapat perhatian daripada kalangan masyarakat. Namun persekitarannya adalah penipu, ahli nujum palsu dan pencuri telah menyebabkan segalah yang dicoretkan di dalam kitab tersebut adalah penipuan semata-mata. Oleh yang demikian, didiklah diri supaya sentiasa berkata jujur dalam semua perkara agar kita akan tidak mengkhianati kepercayaan orang lain kepada kita. Hal ini dikatakan demikian kerana bukanlah mudah untuk orang memberikan kepercayaan kepada kita.

4.2.8.2 Nilai Kejujuran dalam cerita *Raja Ahmad Bujang*

Melihatkan barang-barang yang banyak itu maka Ahmad pun berkata, “wahai saudara-saudaraku sekalian sekarang bahagilah barang-barang ini supaya tiap-tiap seorang mendapat sama banyak.”

Demi mendapat perintah Ahmad itu, maka bekerjalah sekalian membahagi barang-barang di dalam

kapal itu sama banyak, tidak dihiraukan apa tarafnya orang-orang yang menerima itu, laki-laki perempuan kecil besa, hina dina semuanya serupa.

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 212)

Nilai kejujuran yang dapat dikupas dari petikan cerita Raja Ahmad bujang di atas telah ditonjolkan oleh rakyat-rakyat jelata yang menaiki kapal bersama-sama dengan Ahmad. Setelah Ahmad berjaya membunuh kepala perompak yang merupakan tuan kapal tersebut, maka kesemua harta yang dirompakkan itu Ahmad arahkan untuk dibahagikan secara sama rata kepada semua rakyat yang ada di dalam kapal tersebut tanpa mengira status sosial masing-masing. Oleh itu, berbahagilah akan mereka kesemua harta hasil rompakan itu sama adil seperti yang diperkatakan oleh Ahmad kepada mereka semua.

Di sini jelas dapat kita lihat bahawa mereka semua jujur dalam pembahagian harta yang sama rata kepada semua pihak seperti yang diarahkan oleh Ahmad. Tiada terkurang mahu pun terlebih harta setiap orang walaupun dalam kalangan mereka itu terdiri daripada pelbagai taraf dan peringkat sosial sama ada dayang, tukang masak, perempuan besar atau kecil, lelaki yang besar mahu pun yang kecil, tua atau muda, hina dan dina kesemuanya layak diberikan harta tersebut dalam jumlah yang sama. Oleh yang demikian, nilai kejujuran itu berjaya diterapkan dan ditonjolkan melalui cerita Raja Ahmad bujang ini supaya dapat dijadikan ikutan dan

contoh kepada para pembaca terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.

Bak kata pepatah melayu ‘melentur buluh, biarlah dari rebungnya’.

4.2.8.3 Nilai tulus ikhlas dalam cerita *Kesetiaan Isteri*

Setelah diketahuinya yang Muhammad belum tidur lagi, maka orang itu pun berkata, “kalau begitu baiklah. Keluarlah bawa isteri kamu dan naik kuda yang ada pada aku ini. Aku hendak hantar kamu berdua dengan isterimu ke rumah Tuan Syeikh bapa mertua kamu. Tak guna duduk di sini lagi. Aku dahtahu akan keikhlasan dan kejujuran isteri kamu sebab itu kamu tak boleh tinggal di tempat semacam ini. Isteri kamu ini ialah seorang perempuan yang solehah dan dengan sebab keikhlasan dan setianya, maka kamu akan berbahagia.”

(Madiawati Mamat@Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang etl., 2019, 122)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan keratan perbualan seorang pemuda yang kacak kepada Muhammad. Pada awalnya, pemuda kacak ini telah berkali-kali datang ke rumah Muhammad untuk membawa isterinya ikut bersamanya. Namun nilai kejujuran dan tulus ikhlas yang ada dalam diri isteri tersebut kepada Muhammad menyebabkan pemuda kacak itu berkali-kali ditolak oleh isteri Muhammad. Walaupun jika dilihat dengan mata kasar bahawa pemuda tersebut lebih tampan berbanding Muhammad dan lebih stabil kerjayanya berbanding Muhammad akan tetapi kerana tingginya nilai kesetiaan seorang isteri itu terhadap suaminya maka isteri tersebut lebih memilih suaminya berbanding pemuda tersebut. Ditunggu oleh sang isteri akan suaminya yang keluar bekerja demi mencari rezeki yang sesuap itu di kampung sebelah.

Untuk memiliki pasangan yang setia ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana kesetiaan memerlukan pengorbanan daripada kedua-dua belah pihak. Sebagai contoh, tidak semua orang diberikan rezeki kemewahan hidup maka sekiranya pasangan kita itu bukanlah orang yang senang tetaplah menjadi penguat semangat buat pasangan masing-masing. Di samping itu juga untuk tetap setia dalam hubungan suami isteri, setiap pasangan ini haruslah saling mempercayai dan sentiasa jujur dalam berkata-kata agar tidak menimbulkan keraguan di antara satu sama lain. Secara tidak langsung perkara seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan suami isteri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Mengenal pasti cara untuk memupuk generasi muda supaya kekalkan nilai yang terdapat dalam sastera rakyat Pahang.

4.3.1 Sastera rakyat merupakan sebuah medium kepada golongan muda masa kini untuk diperincikan melalui kajian dan analisis secara sistematik supaya dapat memberi kefahaman kepada mereka.

Sastera rakyat ini merupakan satu unjuran masyarakat di mana sastera rakyat ini membentuk sebuah kaedah yang dapat memberikan gambaran dan rakaman mengenai cita-cita dan impian masyarakat mengenai sesuatu perkara (Bascom, 1965). Sastera rakyat yang turut dikenali sebagai sastera tradisional merangkumi juga sastera lisan di mana sastera tradisional ini terdiri daripada karya-karya yang telah diwarisi dari generasi ke generasi melalui lisan atau penyampaian dari mulut ke mulut. Antara karya-karya tradisional ini termasuklah cerita rakyat yang dikatakan mampu diangkat oleh masyarakat hari ini dengan mengkormesialkan cerita rakyat ke dalam bentuk animasi dan cerita-cerita kartun. Hal ini kerana di dalam cerita rakyat ini terkandung budaya, warisan dan identiti masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat melayu yang kaya dengan adat dan budaya yang tersendiri.

Oleh yang demikian, sastera rakyat mampu menjadi sebuah bahan atau medium utama kepada para pelajar dan generasi muda hari ini untuk diperincikan dengan lebih mendalam mengenai nilai, warisan mahu pun budaya dalam kalangan masyarakat melayu terdahulu melalui proses kajian dan analisis yang dijalankan

secara sistematik. Keadaan ini penting kerana melalui kajian yang dijalankan ini mereka dapat membantu mengupas kembali nilai, warisan serta budaya masyarakat Melayu yang patut dicontohi dan diikuti oleh masyarakat hari ini. Memandangkan masyarakat masa kini dilihat terlalu terdedah dengan budaya luar sehingga mereka sering mengabaikan adat, warisan dan budaya peninggalan nenek moyang dahulu yang memiliki keunikan dan keistimewaan yang tersendiri.

4.3.2 Mendedahkan cerita rakyat ini kepada golongan muda melalui platform baharu seperti di media sosial. Oleh itu, cerita-cerita rakyat ini haruslah ditukar daripada dalam bentuk tulisan kepada bentuk digital.

Memandangkan negara Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun maka terdapat banyak lagi perkara yang harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Namun begitu, segala warisan peninggalan nenek moyang haruslah dibangunkan dan dimajukan demi mengekalkan warisan dan budaya masyarakat di Malaysia yang kini dilihat berada di ambang kepupusan. Antara contoh terdekat yang dapat dilihat adalah cerita rakyat yang terkandung banyak nilai dan moral tetapi sudah semakin kurang disampaikan dan didedahkan kepada anak-anak muda hari ini. Namun setelah timbulnya teknologi, masyarakat menjadi semakin taksub dengan kemudahan-kemudahan yang sekarang hanya di hujung jari sahaja.

Oleh yang demikian terdapat beberapa syarikat penerbitan tempatan hari ini cuba untuk menghidupkan kembali cerita-cerita rakyat yang pernah mereka dengar suatu ketika dahulu di samping mereka ingin tonjolkan budaya masyarakat melayu yang penuh dengan tata tertib dan kesopanan yang tinggi. Perkara tersebut perlu diterapkan dalam diri masyarakat hari ini kerana dengan mengamalkan nilai-nilai tersebut dapat membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan sejahtera. Oleh itu pihak penerbitan tempatan seperti *Les Copaque* sebuah syarikat produksi animasi yang tidak asing lagi di Malaysia telah menerbitkan animasi *Upin dan Ipin* dan *Pada Zaman Dahulu*

Syarikat penerbitan ini telah banyak memaparkan kisah-kisah masyarakat dan cerita-cerita rakyat yang lebih tertumpu kepada cerita fabel iaitu cerita binatang namun masih terkandung nilai-nilai yang dapat dijadikan contoh dan ikutan anak-anak muda hari ini seperti yang diceritakan oleh Aki kepada dua orang cucunya iaitu Aris dan Ara. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa teknologi mampu mengubah bentuk cerita rakyat daripada bentuk tulisan kepada bentuk digital supaya dapat menarik minat orang ramai untuk menghayati cerita-cerita tersebut kerana terdapat mesej-mesej penting yang patut diambil dan dicontohi khususnya nilai-nilai yang terkandung di dalamnya sampai kepada masyarakat.

4.3.3 Pihak pendidikan haruslah mengambil langkah dominan dengan membuat rombakan sistem pendidikan yang memfokuskan kepada cerita-cerita rakyat yang kaya dengan nilai agar mampu membentuk generasi muda masa kini.

Di dalam usaha mengupas semula nilai-nilai yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat ini, pihak Pendidikan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia haruslah memasukkan cerita-cerita rakyat dalam subjek bahasa mahupun kesusasteraan sebagai satu langkah yang dapat memberikan kesan positif kepada pembentukan sikap dan sahsiah generasi muda hari ini yang semakin luntur adab, sikap pemalu dan sopan santun terutamanya apabila mereka dibesarkan dalam keluarga yang kononya mengamalkan gaya hidup terkini yang serba moden dan canggih dari pelbagai aspek sehingga lupa kepada asal usul jati diri sebagai masyarakat melayu yang membawa imej masyarakat yang paling menjaga adab dan tata susila. Di samping itu juga melalui pembelajaran cerita-cerita rakyat dapat meningkatkan lagi nilai-nilai dalam diri seseorang individu serta dapat melahirkan rasa individu yang berjiwa besar dan berwawasan.

Selain itu, pihak sekolah juga boleh membuat satu kolaborasi dengan masyarakat setempat untuk mendapatkan lebih banyak lagi cerita-cerita rakyat terutamanya cerita rakyat yang berasal daripada negeri masing-masing. Secara tidak langsung kolaborasi ini menjadi satu perkara yang menarik kerana dapat mengumpulkan cerita-cerita rakyat yang belum ditukar ke dalam bentuk tulisan kerana cerita rakyat ini pada asalnya adalah dalam bentuk lisan yang disampaikan tanpa mengetahui pemilik asal cerita tersebut namun dikongsikan sehingga wujudnya cerita dari pelbagai versi. Oleh itu, di samping dapat mengupas nilai dan budaya, kolaborasi ini berjaya mengumpulkan masyarakat setempat dengan guru dan murid sekolah. Secara tidak langsung dapat memberikan pengalaman kepada

para guru pengalaman pendidikan yang lebih efektif dan menyeluruh di samping dapat memberikan kefahaman mendalam kepada pelajar mengenai nilai-nilai budaya dan moral melalui cerita-cerita rakyat yang telah disampaikan itu.

- 4.3.4 Ibu bapa perlu mengisi masa lapang anak-anak dengan bercerita dengan menyampaikan cerita rakyat yang kaya dengan nilai. Tambahan pula sikap suka mendengar serta berinteraksi dengan anak secara terbuka dengan memberikan beberapa pandangan supaya dapat meningkatkan pemahaman serta memajukan lagi diri mereka di dalam bidang pelajaran.

Ibu bapa juga memainkan peranan yang penting kepada perkembangan diri anak-anak kerana pembelajaran awal kanak-kanak ini bermula dari rumah. Oleh yang demikian perinteraksian di antara ibu bapa dan anak-anak amatlah penting dan perlu diberi perhatian oleh semua ibu bapa. Sebagai contoh, ibu bapa boleh menjadikan cerota-cerita rakyat sebagai satu medium atau bahan utama untuk berinteraksi dengan anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana bercerita kepada anak-anak adalah salah satu cara untuk menanam dan meningkatkan minat mereka kepada karya-karya Melayu. Melalui proses penceritaan ini juga dapat meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi anak-anak yang memberi respon kepada cerita-cerita yang disampaikan secara langsung oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka. Jelaslah di sini peranan daripada ibu bapa dapat mengukuhkan ikatan kekeluargaan serta membantu meningkat nilai-nilai dalam diri mereka sejak kecil bak kata pepatah melayu, *melentur buluh biarlah dari rebungunya*.

Di samping itu juga, ibu bapa boleh mengaitkan jalan cerita tersebut dengan perjalanan dan pengalaman kehidupan agar mereka dapat memahami dengan lebih jelas mesej yang ingin disampaikan melalui kisah penceritaan tersebut. Ibu bapa haruslah kreatif sepanjang menyampaikan cerita kepada anak-anak supaya mereka tidak bosan dengan cara ibu bapa menyampaikan cerita. Hal ini penting dan harus diberi perhatian oleh semua yang bergelar ibu bapa kerana mereka harus menarik minat anak-anak untuk mendengarkan mereka supaya mudah untuk mereka fahami dan hayati cerita dan mesej. Kemudian, setelah selesai bercerita ibu bapa harus mengadakan sesi soal dan jawab bagi memastikan cerita dan mesej yang disampaikan itu telah diterima sepenuhnya oleh anak-anak. Di sini ibu bapa dapat mendengar idea, pendapat dan tindak balas dari anak-anak berdasarkan cerita rakyat yang disampaikan. Oleh itu, ibu bapa boleh membuat kesimpulan dan mengupas lagi nilai-nilai yang terkandung dalam cerita rakyat itu agar dapat diterapkan dalam diri dan kehidupan anak-anak.

Rentetan daripada itu, peranan ibu bapa dalam memastikan anak-anak didedahkan dengan nilai adalah salah satunya melalui bahan bacaan seperti cerita rakyat. Kebanyakan bahan bacaan terutamanya bahan bacaan kanak-kanak antara bahan yang terkandung banyak nilai dan pengajaran yang boleh diceritakan kepada anak-anak secara langsung agar mereka faham bagaimana berfungsi sesebuah nilai itu dalam kalangan masyarakat serta pengaplikasian nilai-nilai tersebut dalam kehidupan mereka di masa akan datang. Oleh itu wajarlah bagi ibu bapa untuk meluangkan sedikit masa untuk membaca buku atau bahan bacaan bersama anak-

anak di samping dapat meningkatkan pengetahuan mereka dan menajamkan lagi pemikiran mereka di mana perkara tersebut dapat membantu merangsangkan otak dan minda mereka sebaiknya.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya di sini dalam bab empat ini dapat disimpulkan bahawa kajian ini telah memfokuskan pada nilai dan hubungkait cerita rakyat di dalam buku *Sastera Rakyat Pahang* dengan Dasar Kebudayaan Negara dan cara terbaik untuk memupuk nilai dalam generasi muda. Cerita rakyat merupakan sebuah gambaran dan maklumat mengenai kebudayaan sesebuah masyarakat tradisional. Sebagai contoh, melalui cerita rakyat ini juga banyak terselit peristiwa-peristiwa menarik yang memaparkan budaya, kepercayaan dan adat istiadat masyarakat-masyarakat dahulu di mana jika dapat difahami dengan lebih teliti cerita-cerita rakyat ini sebenarnya terkandung banyak nilai dan moral yang boleh dijadikan sebagai tauladan dalam kehidupan masyarakat.

Oleh yang demikian, amatlah penting kepada generasi muda hari ini untuk mendalami dan mengkaji cerita-cerita rakyat milik masyarakat melayu untuk mengupas kembali nilai-nilai yang dapat dicontohi oleh mereka terutamanya dalam mencapai hasrat Kerajaan iaitu melahirkan masyarakat Malaysia yang memiliki budaya nilai tinggi. Seajar dengan itu budaya masyarakat tempatan ini juga merupakan sebahagian daripada Kebudayaan Kebangsaan sebagaimana yang dilihat ia berselari dengan nilai moral, tatasusila dan tatacara masyarakat di Malaysia.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji akan merumuskan dengan dengan lebih mendalam mengenai pemerolehan maklumat dan teks-teks yang telah dikaji. Perbincangan ini turut meliputi maklumat-maklumat seperti nilai-nilai yang pengkaji dapati dari bahan kajian iaitu himpunan cerita rakyat dari buku *Sastera Rakyat Pahang*. Maka di sini pengkaji akan menyimpulkan secara menyeluruh mengenai kupasan sepuluh nilai bersama DAKEN daripada sebahagian cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Selain itu di dalam bahagian ini juga pengkaji akan menghuraikan cadangan berdasarkan kajian yang dijalankan ini seterusnya pada pengakhirannya terdapat simpulan kecil yang akan dibuat hasil daripada rumusan perbincangan kajian yang telah pengkaji jalankan ini.

5.2 Rumusan Hasil Kajian

Di dalam bab satu kajian ini pengkaji telah menerapkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) yang merupakan satu gagasan yang telah mendukung kemakmuran bersama dalam membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang maju seiring dengan perkembangan dunia hari ini serta memiliki rakyat yang bersatu padu tambahan pula rakyat di Malaysia ini terdiri daripada masyarakat majmuk di mana terdapat pelbagai bangsa yang bersatu di bawah satu negara yang sama. Tambahan pula, budaya bagi setiap masyarakat haruslah diberi fokus kerana perkara tersebut telah dikira sebagai sebuah kebudayaan kebangsaan yang merangkumi kesemua budaya yang ada di Malaysia seperti budaya dari masyarakat Melayu, masyarakat Cina, masyarakat India dan beberapa lagi masyarakat dan etnik yang mempunyai identiti dan budaya yang tersendiri. Namun begitu, pengkaji hanya memfokuskan kepada lapan nilai daripada sepuluh nilai bersama yang merupakan tunjang kepada budaya nilai tinggi. Antara lapan nilai tersebut adalah nilai kerohanian, nilai budi, nilai muafakat, nilai keilmuan ilmu, nilai kesaksamaan, nilai kesejahteraan, nilai kesetiaan dan nilai kejujuran atau tulus ikhlas. Di dalam Sastera Rakyat Pahang terkandung pula 15 buah cerita rakyat yang dipercayai berasal dari rakyat negeri Pahang. Namun begitu hanya sembilan buah cerita sahaja yang diambil oleh pengkaji iaitu cerita *Ahmad Putera Raja Singa*, *Anak beruk membalas budi*, *Awang berani*, *Dayang Siti Jalan*, *Kesetiaan isteri*, *Puteri Geris*, *Puteri Patung Cendana*, *Raja Ahmad Bujang* dan *Raja Muda Ayam jadian*. Oleh yang demikian, dua objektif bagi kajian ini adalah mengkaji nilai dan hubungkait cerita Sastera Rakyat Pahang dengan DAKEN dan mengenal pasti cara untuk memupuk generasi muda supaya kekalkan nilai yang terdapat dalam Sastera Rakyat Pahang.

Di dalam bab kedua kajian ini pula merupakan bahagian di mana pengkaji mengkaji kelompongan-kelompongan daripada hasil kajian lepas yang berkait dengan tajuk kajian pengkaji.

Terdapat banyak sorotan kajian lepas yang telah pengkaji ambil berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Antaranya kajian lepas mengenai cerita rakyat, kajian lepas mengenai nilai dan juga kajian lepas mengenai Dasar Kebudayaan Negara yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji dari dalam negara. berdasarkan rujukan daripada kajian-kajian lepas, pengkaji dapat melihat kekurangan dan kelompongan daripada kajian-kajian terdahulu supaya pengkaji dapat menambah baik kajian yang pengkaji jalankan ini. Selain itu, kajian-kajian yang diambil adalah kajian tesis, artikel, buku, majalah mahupun akhbar atas talian.

Di dalam bab ketiga kajian ini pengkaji menghuraikan mengenai metodologi kajian iaitu penerangan mengenai kaedah, reka bentuk dan teknik memperolehi data dan maklumat mengenai kajian yang pengkaji jalankan. Untuk kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di mana kaedah ini merupakan sebuah proses pengumpulan data berdasarkan teks seperti mana bahan yang pengkaji gunakan adalah teks-teks yang terdapat dalam buku *Sastera Rakyat Pahang*. Seterusnya, pengkaji akan membuat analisis teks untuk mengeluarkan nilai-nilai yang terdapat di dalam teks-teks yang telah pengkaji pilih daripada buku tersebut. Bagi cara pengumpulan data pula, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dengan membuat rujukan mengenai maklumat dan kajian lepas sama ada dalam bentuk tesis, artikal, jurnal, akhbar dan banyak lagi yang mempunyai info-info yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Kemudian untuk analisis dokumen pula pengkaji menganalisis teks-teks yang terpilih supaya pengkaji dapat mengeluarkan nilai-nilai yang terdapat dalam teks-teks tersebut. Di samping itu juga pengkaji turut merujuk kepada sumber-sumber rujukan ilmiah untuk mendapatkan info dan data kajian sama ada dalam bentuk tesis, artikal mahupun jurnal. Jelaslah di sini bahawa di dalam kajian ini pengkaji sepenuhnya menggunakan bahan-bahan bacaan dan teks semata-mata. Namun begitu, untuk kajian ini pengkaji tidak menggunakan teori tetapi pengkaji memasukkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) dengan

memberi penerapan dan fokus kepada sepuluh (10) nilai bersama ke dalam kajian yang pengkaji jalankan.

Akhir sekali, di dalam bab keempat pula pengkaji membuat analisis berdasarkan hasil kajian yang pengkaji peroleh berdasarkan kepada persoalan dan objektif kajian. Di dalam buku *Sastera Rakyat Pahang* terkandung 15 buah cerita rakyat dari negeri Pahang namun pengkaji hanya memilih sembilan buah cerita daripadanya iaitu cerita *Ahmad Putera Raja Singa*, *Anak beruk membalas budi*, *Awang berani*, *Dayang Siti Jalan*, *Kesetiaan isteri*, *Puteri Geris*, *Puteri Patung Cendana*, *Raja Ahmad Bujang* dan *Raja Muda Ayam jadian*. Di dalam Sembilan buah cerita ini hanya terdapat lapan nilai daripada sepuluh (10) nilai bersama. Antara lapan nilai yang pengkaji peroleh berdasarkan kajian yang dijalankan ini adalah nilai budi, nilai muafakat, nilai keilmuan ilmu, nilai kesetiaan, nilai kesaksamaan, nilai kesejahteraan, nilai kerohanian dan nilai kejujuran. Kelapan-lapan nilai ini diperolehi setelah pengkaji menganalisis beberapa kali sembilan buah teks cerita yang terkandung dalam buku *Sastera Rakyat Pahang*. Di samping itu juga pengkaji dapat mengenal pasti beberapa cara untuk memupuk generasi muda supaya sentiasa mengamalkan dan mengekalkan nilai-nilai yang terdapat dalam buku *Sastera Rakyat Pahang*. Oleh yang demikian, terdapat empat cara yang dapat pengkaji senaraikan mengikut kepada peranan dan tanggungjawab daripada beberapa pihak seperti pihak ibu bapa, pihak Kerajaan, pihak daripada golongan muda itu sendiri seperti para pelajar dan juga tidak lain dan tidak bukan adalah peranan pihak media yang dapat membantu mengubah daripada bentuk tulisan kepada bentuk animasi dan sebagainya di mana dengan memaksimumkan kemudahan teknologi mampu menarik minat golongan muda untuk menghayati nilai-nilai yang terkandung dalam teks-teks cerita rakyat yang kaya dengan nilai dan pengajaran.

5.3 Cadangan

Pada bahagian cadangan ini, pengkaji akan mengulas mengenai beberapa cadangan yang akan dikemukakan kepada beberapa pihak yang mampu membantu menyelesaikan masalah-masalah mengenai cerita-cerita rakyat yang semakin kurang mendapat perhatian masyarakat dan generasi muda hari ini. Perkara ini penting untuk difokuskan kerana di dalam cerita-cerita rakyat ini terkandung banyak nilai, pengajaran dan budaya masyarakat melayu yang dipaparkan melalui penulisan dengan cara yang paling kreatif pada ketika itu. Sekali gus dapat menjayakan Dasar Kebudayaan Negara iaitu melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya nilai tinggi dalam diri setiap individu di negara Malaysia.

5.3.1 Individu

Setiap individu itu haruslah memainkan peranan yang penting dalam membantu bersama-sama memperkasakan cerita rakyat yang merupakan salah satu warisan masyarakat melayu yang perlu dijaga dan diperkenalkan kepada generasi-generasi yang akan datang. Keadaan ini penting supaya cerita rakyat ini dapat dikekalkan dan tidak luput ditelan zaman yang semakin hari semakin canggih. Oleh yang demikian, setiap individu terutamanya para pelajar haruslah mempelajari dengan lebih mendalam mengenai cerita-cerita rakyat yang ada di negara Malaysia khususnya cerita rakyat masyarakat melayu di mana cerita rakyat milik masyarakat melayu ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri seperti penggunaan bahasa yang lebih sopan, terkandung nilai dan pengajaran serta penggunaan unsur-unsur flora dan fauna. Di samping itu, para pelajar juga disarankan untuk membuat kajian mengenai cerita rakyat agar dapat pengkaji dapat mengupas unsur-unsur budaya masyarakat melayu yang dirakamkan dalam bentuk cerita rakyat dan nilai-nilai yang dapat dicontohi dan diterapkan dalam diri supaya dapat

membentuk peribadi yang baik dan lebih unggul. Jelaslah di sini bahawa pentingnya untuk setiap individu memperkasakan cerita-cerita rakyat yang dapat mempengaruhi kesan positif kepada para pembaca.

5.3.2 Masyarakat

Kelompok masyarakat juga memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan cerita-cerita rakyat ini diperkenalkan kepada orang ramai. Sebagai contoh, melalui pihak komuniti ini juga dapat bersama-sama bertindak untuk membantu agensi-agensi dalam mengangkat dan memperkasakan cerita rakyat di dalam kelompok masyarakat. Pihak komuniti antara pihak yang berada dekat dengan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, mereka boleh mengadakan satu sesi perkongsian cerita rakyat bersama komuniti. Dengan wujudnya segmen perkongsian ini kita dapat menanam minat dalam diri setiap individu dari pelbagai peringkat umur untuk mendalami dengan lebih mendalam lagi mengenai cerita-cerita rakyat ini. Tambahan pula, zaman moden hari ini perkongsian mengenai cerita rakyat mungkin boleh dilaksanakan di dalam bentuk persembahan sama ada persembahan secara nyata atau persembahan paparan video animasi-animasi mengenai cerita rakyat. Tidak dapat disangkal lagi bahawa cerita kanak-kanak Upin dan Ipin ini antara cerita kanak-kanak yang mendapat tempat di dalam kalangan masyarakat hingga ke hari ini. Oleh yang demikian, pihak komuniti boleh mengadakan kolaborasi dengan pihak animai tersebut iaitu syarikat penerbitan Les Copaque untuk mengadakan sesi perkongsian bersama masyarakat untuk menonjolkan semula cerita-cerita rakyat ini sambil berhibur dan belajar. Maka secara tidak langsung keadaan ini dapat menarik minat masyarakat terutamanya keluarga-keluarga yang ada

anak-anak kecil kerana ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’. Pendekatan ini dapat membantu ibu bapa untuk menanam minat dalam diri kanak-kanak sejak di awal usia.

5.3.3 Pihak Institusi

Pihak-pihak institusi juga perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan pendedahan mengenai cerita rakyat ini dengan memastikan cerita rakyat milik masyarakat melayu ini tidak luput ditelan zaman. Pihak institusi dalam bidang pengajian khususnya haruslah bergiat lebih aktif dalam memastikan para pelajar mengetahui apa itu cerita rakyat dan apakah keistimewaan yang terkandung di dalam cerita rakyat sehingga ia menjadi sebahagian daripada warisan dan khazah masyarakat melayu. oleh yang demikian, barisan pendidik di sekolah-sekolah mahupun di mana-mana isntitusi Pendidikan ini boleh mengadakan persembahan, pertandingan serta pertunjukkan yang diambil atau diadaptasikan dari cerita-cerita rakyat itu sendiri. Sebagai contoh, guru-guru di sekolah dapat membimbing para pelajar untuk membuat sebuah pertunjukkan teater yang diambil daripada mana-mana cerita rakyat kemudian membuat kesimpulan mengenai nilai-nilai dan budaya masyarakat melayu yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut agar teater yang disampaikan itu buka berunsurkan hiburan semata-mata tetapi terkandung unsur pembelajaran yang dapat para pelajar belajar daripada teater cerita rakyat tersebut. Aktiviti seperti ini harus diketengahkan oleh semua pihak institusi untuk diterapkan dalam kalangan pelajar di sekolah dan juga para pelajar di tempat-tempat pengajian tinggi.

5.4 Penutup

Kesimpulanya, amatlah penting bagi semua golongan masyarakat untuk bersama-sama berusaha untuk mengangkat semula khazanah warisan bangsa seperti cerita rakyat. Maka setiap orang haruslah menjana idea yang lebih menarik dan lebih kreatif untuk disampaikan kepada generasi-generasi muda hari ini yang dilihat sudah terlalu terdedah dengan budaya-budaya luar sehingga tanpa mereka sedar bahawa mereka telah mengabaikan warisan masyarakat melayu itu sendiri seperti cerita rakyat. Cerita rakyat ini merupakan sebuah hasil idea kreatif masyarakat terdahulu di mana penulisan mereka itu terkandung banyak nilai, moral dan pengajaran yang dapat diambil oleh setiap pembaca. Tambahan pula masyarakat melayu dahulu sering menggunakan bahasa kiasan dan simbolik untuk menjaga tata tertib dalam pengucapan dan penyampaian mereka agar tidak menyakiti hati orang ramai. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini bagi membincangkan mengenai perkaitan di antara nilai-nilai yang terkandung di dalam sepuluh (10) nilai bersama Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) dengan cerita-cerita rakyat yang terpilih dari buku Sastera Rakyat Pahang. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa daripada sembilan buah cerita rakyat ini pengkaji hanya dapat keluaran lapan nilai daripada sepuluh nilai bersama tersebut. Jelaslah di sini bahawa cerita rakyat ini sememangnya memiliki banyak nilai yang dapat diambil dan dicontohi oleh masyarakat.

RUJUKAN

- Aziz, I. H. (2021, October 26). Daken 2021 jadi entiti penting Keluarga Malaysia. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/770683/daken-2021-jadi-entiti-penting-keluarga-malaysia>
- Dasar kebudayaan negara julang usaha martabat seni, budaya dan warisan - PM. (n.d.). BERNAMA. https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_pemerksa.php?id=2017082
- Deraman, A. (1978). *Beberapa aspek pembangunan kebudayaan kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Halim, S. N. B. A., & Abdullah, S. (2020). REAKSI TERHADAP DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN: ANALISIS PAMERAN SENI TOWARDS A MYSTICAL REALITY (1974) DAN RUPA DAN JIWA (1979).
- Hanafi, F., & Ismail, M. Z. (2006). Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
- Hanafiah, M. N. A. H. M., & Yaacob, M. F. B. C. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.
- Mahadi, Z., & Sino, H. (2007). Hubungan nilai masyarakat & pembangunan: satu analisa. *Jurnal Pengajian Umum Bil*, 8, 2077-94.
- Peng, C. F. (2010). Penerapan Nilai-nilai Murni Menerusi KOMSAS dalam Sistem Pendidikan Malaysia. *Sosiohumanika*, 3(1). <https://doi.org/10.2121/sosiohumanika.v3i1.408>
- Sabilan, S., Lip, S. M., Ishak, M. F., Abidin, S. Z., & Sulaiman, S. H. (2018). Konsep penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). In *Conference: International Conference On Moslem Society 2016At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*. Bangi (Vol. 1980, pp. 1-13).
- Wadah Pemikiran dan Konsep kepercayaan dalam Sastera Lisan bagi Masyarakat Asli JAH HUT - Digital Special Collection (UMK Repository)*. (n.d.). <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/4035/>
- Warisan Budaya Malaysia : Sastera Rakyat*. (n.d.). <http://sasterarakyat-kedah.com/?cat=11>

- Yaacob, M. F. C. (2015). *Nilai-nilai murni dalam seuntai himpunan 366 cerita rakyat Malaysia* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia).
- Yaacob, M. F. C. (2018). *Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian pengkaedahan Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Yaacob, M. F. C. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 1-12.
- Yaacob, M. F. C., & Abdillah, N. (2017). Penerapan nilai murni dalam Cerita Rakyat Melayu suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu: Analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 94-107.
- Yaacob, M. F. C., Abdillah, N., Ghani, M. I. A., Shahrudin, S. N., & Apandi, S. N. A. M. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Zailuddin, M. F. N. O. (2017). *Interpretasi Karya Seni Visual Terpilih Bakat Muda Sezaman (2000-2013) Dari Konteks Dasar Kebudayaan Kebangsaan* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia).
- Kristanto, M. (2014). Pemanfaatan cerita rakyat sebagai penanaman etika untuk membentuk pendidikan karakter bangsa. *Mimbar Sekolah Dasar*, 1(1), 59-64.
- Hanipah, N. M., Jamal, D. H. D., & Abdillah, N. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 18-29.
- Adnan, T. S. N. S. T., & Yaacob, M. F. C. (2023). Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat: The Common Sense of the Malays through Folk Stories. *PENDETA*, 14(2), 56-70.
- Ismail, M. F., Muhammad, S. J. N., & Yusop, M. S. (2015). Cerita rakyat Melayu: Suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- bin Mohamad, M. N. A. H., & bin Che Yaacob, M. F. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah: Human Value In Folktales: An Observation on Takmilah. *PENDETA*, 12(1), 11-25.

- Yusoff, M. Y. M., Mansor, S., Harun, K., & Abd Razak, M. R. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan (Jakun Orang Asli community in Rompin, Pahang: A study on the preservation of oral stories). *Geografia*, 17(2).
- Othman, M. K. H., Suhid, A., & Roslan, S. (2015). Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 1-20.
- Jaafar, M. A., & Tahir, A. (2017). Pengamalan Nilai-Nilai Murni Dalam Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar Politeknik Malaysia: Practice of Good Moral Values Through Islamic and Asian Civilization Course to Develop The Personality of Malaysian Polytechnic Students. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 29-35.
- Jalal, F., & Omar, A. (2014). Aktiviti Lakonan Murid bagi Pemupukan Nilai Murni dan Perpaduan Kaum: Analisis di Pekan, Pahang: Acting Activities among Pupils in Inculcating Good Values and Ethnic Integrity: An Analysis in Pekan, Pahang. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(2), 26-41.
- Masuwai, A. (2018). Elemen Nilai-Nilai Murni, Sikap Dan Tingkahlaku Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Khas Untuk Pelajar Dan Pendidik Guru: [Good Values, Attitudes and Behaviours Element in Teaching and Learning: Dedicated for Learners and Educators]. *Ulum Islamiyyah*, 24, 43-53.
- Zakaria, N. (2015). PENGHAYATAN NILAI MURNI DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL: Appreciation of Positive Values in Human Capital Development Through Traditional Malay Literature. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 25-32.
- Jusoh, S. A. B., Yaacob, M. F. B. C., & Abdillah, N. B. (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu: An element spiritual in Folktales. *PENDETA*, 12(2), 67-79.
- Mohamed, H. A. B., Ahmad, A., Husin, W. N. W., Basir, S. A., Jalal, B., Mohamad, M. H., & Ab Ghani, S. (2020). HUBUNGAN ANTARA PENGHAYATAN NILAI INTEGRITI DENGAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS1900 DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA, MALAYSIA: THE RELATIONSHIP BETWEEN THE APPRECIATION OF THE VALUE OF INTEGRITY WITH THE IMPLEMENTATION OF THE QUALITY MANAGEMENT SYSTEM MS1900 IN PRIVATE INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING, MALAYSIA. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*.
- Hanafiah, M. N. A. H. M., & Yaacob, M. F. B. C. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.
- Abbas, R., & Saari, Z. (2001). Pembangunan Nilai Qurani Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang Menerusi Nilai Diri dan Kerja. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2, 13-24.

- Hanafi, F., & Ismail, M. Z. (2006). Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
- Mesman, N. S. (2022). Manifestasi penciptaan pantun berlagu dalam cerita rakyat negeri Pahang. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 27-34.
- Deraman, M. A. (2011). *Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat hasil koleksi Zakaria Hitam* (Doctoral dissertation, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan).
- Zakeria, S. Z., & Affendi, N. R. N. M. (2016). Kesenambungan warisan budaya masyarakat Melayu Pantai Timur dalam cerita rakyat untuk kanak-kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(1), 93-103.
- Abd Jalal, A. F., Rahim, R. A. A., Said, M. H. M., & Manap, M. J. A. (2022). KEARIFAN KETATANEGARAAN DAN GENDER MELAYU ISLAM PAHANG DI ACEH: SATU ANALISA: The Constitutional and Pahang Malay Muslim Gender Wisdom in Aceh: An Analysis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 97-107.
- Omar, R., Ishak, M. S. A., & Mustafa, S. E. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.